





JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA




# Laporan Tahunan **2012**

MEMARTABATKAN PENTADBIRAN PERBURUHAN NEGARA



Jabatan Tenaga Kerja  
Semenanjung Malaysia

Laporan Tahunan  
2012



Masa tidak akan menunggu kita. Sebaliknya akan terus berlalu dan tidak akan kembali semula. Justeru itu, ilmuan Islam berkata semalam adalah sejarah, hari ini kenyataan dan esok belum pasti.

Imam Ghazali juga menyatakan tempat yang paling jauh dan tidak akan ada kenderaan boleh sampai ke sana ialah masa yang telah berlalu dan yang paling hampir adalah kematian. Justeru itu, pepatah Melayu ada menyebut *masa itu emas* yang bertujuan untuk menggambarkan betapa bernilainya masa. Malah di dalam Al-Quran surah Al-Asr, Allah bersumpah dengan masa yang antara lain intipati maksudnya demi masa, sesungguhnya manusia itu di dalam kerugian kecuali mereka yang beriman dan mengerjakan amal soleh serta nasihat menasihati dengan kebenaran dan nasihat menasihati dengan kesabaran.

Justeru itu, sesuai dengan perjalanan panjang Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) yang sudah seabad lamanya, kulit hadapan buku laporan tahun kali ini menunjukkan jam pasir yang merupakan alat pengukur masa suatu ketika dahulu, diletakkan ditengah bulatan bagi menggambarkan perubahan masa dan perjalanan yang telah dilalui oleh jabatan selama 100 tahun.

Sesuai dengan peredaran masa, tugas dan tanggungjawab jabatan juga turut berubah dan bertambah dari semasa ke semasa agar sentiasa bersesuaian dengan perubahan zaman atau dalam perkataan lain *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas*. Oleh itu, untuk menggambarkan perubahan itu, kulit iguana iaitu sejenis reptilia yang hidup di kawasan tropika Amerika Tengah dan Amerika Selatan dan Caribbean yang boleh bertukar kepada pelbagai warna mengikut warna sekeliling merupakan pilihan tepat untuk dijadikan latar belakang.

## KANDUNGAN

|   |     |
|---|-----|
| 1. Visi, Misi, Objektif, Dasar Kualiti                        | 4   |
| 2. Piagam Pelanggan   | 5   |
| 3. Nota Daripada Ketua Pengarah                               | 6   |
| 4. Carta Organisasi   | 8   |
| 5. Kepimpinan   |     |
| - Pengurusan Tertinggi  | 10  |
| - Pengarah Bahagian   | 11  |
| 6. Memartabatkan Pentadbiran Perburuhan Negara                |     |
| - Selayang Pandang 100 tahun JTKSM                            | 13  |
| - Perlindungan Hak dan Kebajikan Pekerja Terpelihara          | 19  |
| - Pemantapan Pendidikan dan Peningkatan Promosi<br>Perburuhan | 37  |
| - Pengoptimuman Guna Tenaga Kerja                             | 41  |
| - Pemantapan Informasi Perburuhan                             | 51  |
| - Pengurusan Kewangan dan Pentadbiran                         | 55  |
| - JTKSM Di Arena Antarabangsa dan<br>Pencapaian Gemilang      | 61  |
| 7. Sekalung Budi  | 65  |
| 8. JTKSM @ Media  | 71  |
| 9. Santai @ JTKSM   | 75  |
| - Peristiwa Sepanjang Tahun                                   | 76  |
| - Kelab Kasih   | 88  |
| - Puspanita   | 90  |
| 10. Alamat Pejabat Dan Pusat JobsMalaysia (JMC)               | 91  |
| - Alamat Pejabat Negeri dan Cawangan                          | 92  |
| - Alamat Pusat JobsMalaysia (JMC)                             | 105 |
| - Alamat Atase Di Luar Negara                                 | 107 |
| 11. Sidang Redaksi  | 109 |

# Visi

Peneraju Utama Kecemerlangan Pentadbiran Perburuhan di Sektor Swasta

# Misi

- Memperkasakan pentadbiran perburuhan untuk meningkatkan kebijakan warga pekerja dan kepentingan para majikan
- Memperluaskan peluang pekerjaan bagi memenuhi keperluan pasaran buruh

# Objektif

- Melindungi kepentingan dan memajukan kepentingan masyarakat industri;
- Mengutama dan mengekalkan peluang-peluang pekerjaan kepada waganegara;
- Membantu industri meningkatkan daya saing bagi menghadapi cabaran-cabaran globalisasi;
- Mewujudkan masyarakat industri yang berpengetahuan dalam hal-hal berkaitan undang-undang perburuhan untuk membina suasana perburuhan yang kondusif bagi pembangunan perindustrian dan pelaburan.

# Dasar Kualiti

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia adalah komited untuk mengendalikan sebarang aduan buruh demi mewujudkan suasana kerja yang harmoni bagi menjamin kepuasan pelanggan dan ditingkatkan secara berterusan.

# Piagam Pelanggan

Menyedia kemudahan Pusat JobsMalaysia yang efektif dan mesra pelanggan bagi;

- Memberi kemudahan percuma untuk mendaftar secara online;
- Penjodohan Pekerjaan dalam tempoh 24 jam secara online tertakluk kepada kesesuaian jawatan dan kelayakan; dan
- Menyediakan khidmat sokongan penempatan pekerjaan.

Menyiasat dan memaklumkan hasil siasatan setiap aduan berkaitan isu perburuhan dalam tempoh 30 hari dari tarikh pengaduan.

Menyelesaikan pengaduan kes buruh melalui mekanisme Mahkamah Buruh dalam tempoh 90 hari dari tarikh pemfailan.

Memproses permohonan lesen di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 dalam tempoh 14 hari bekerja.

Memproses permohonan lesen hiburan awam di bawah Akta (Penggajian) Kanak-kanak dan Orang Muda 1966 dalam tempoh 14 hari bekerja.

Mengeluarkan taksiran pampasan pekerja di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima.

Memproses dan mengeluarkan syor dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen lengkap bagi permohonan penggajian pekerja asing diterima.

Memberi khidmat nasihat serta menjawab pertanyaan pelanggan dengan cepat tepat dan mesra.

Memberi layanan mesra di kaunter kepada setiap pelanggan jabatan

## ► Nota Daripada Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia



### **Assalamualaikumwarahmatullahwabarakatuh dan Salam Sejahtera**

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izinNya, Laporan Tahunan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) 2012 ini telah berjaya diterbitkan.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung tahniah kepada ahli sidang redaksi dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menghasilkan laporan tahunan ini.

Menjelang seabad usia penubuhannya, tahun 2012 menyaksikan kejayaan JTKSM dalam usaha memartabatkan pentadbiran perburuhan Negara. Pelbagai usaha dan pendekatan yang diambil oleh jabatan ini untuk merealisasikan visi dan misi bagi memastikan faedahnya dapat dinikmati oleh rakyat.

Pembaharuan dan perubahan dalam pelbagai aspek yang meliputi kebijakan pekerja Negara ini dilaksanakan melalui pelbagai inisiatif –inisiatif seperti Skim Bantuan Galakan Penggajian-Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU), Program Penempatan Pekerjaan, Perumahan dan kemudahan atas ladang, pindaan undang-undang perburuhan, pengenalan undang-undang baru dan sebagainya .

Inisiatif-inisiatif yang telah dianjurkan membuktikan komitmen kerajaan melalui JTKSM untuk membantu dan membawa semua peringkat golongan pekerja agar sama-sama memberi sumbangan kepada arus pembangunan ekonomi Negara.

Pada tahun 2012, sebanyak RM 3 juta telah diperuntukkan di bawah skim SBGP-OKU dan seramai 114 orang usahawan telah menerima bantuan geran dan mewujudkan 204 peluang pekerjaan untuk OKU lain. Beberapa orang usahawan OKU yang menerima geran di bawah skim ini

juga telah menerima anugerah dan mendapat pengiktirafan daripada pelbagai agensi luar di atas kecemerlangan mereka. Antaranya adalah Anugerah Majikan Prihatin daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

JTKSM juga sentiasa membantu pencari kerja terutamanya golongan muda bagi mendapatkan pekerjaan dengan memberi bimbingan kerjaya dan penjodohan pekerjaan melalui pelbagai aktiviti jabatan seperti Karnival Pekerjaan, Klinik Kerjaya, Program *Employability*, Ceramah Kerjaya. Berkat kegigihan JTKSM telah berjaya mencapai indeks petunjuk prestasi (KPI) YB Menteri Sumber Manusia dalam meningkatkan peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia. Sepanjang tahun 2012 sebanyak 218,588 penempatan pekerjaan telah berjaya dilaksanakan. Pencapaian ini telah melebihi 56.1% berbanding sasaran yang telah ditetapkan sebanyak 140,000 penempatan pekerjaan.

JTKSM juga terlibat secara serius dengan perlaksanaan Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang menekankan pendekatan bersepadu penglibatan agensi-agensi berkaitan dalam memberi kesan faedah yang tinggi dan sistem penyampaian cepat dan efektif kepada rakyat berkaitan dengan peluang pekerjaan dan perlindungan hak pekerja dari sudut perundang perburuhan.

Kewujudan Pusat Jobs Malaysia di *Rural Transformation Centre* (RTU) dan *Urban Transformation Centre* (UTC) pula adalah salah satu contoh usaha dan inisiatif kerajaan bagi menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada komuniti bandar di dalam satu pusat sehenti. Ia merupakan sebahagian daripada Strategi Lautan Biru yang diperkenalkan dengan tujuan meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan dan sektor swasta. UTC pula turut menyediakan pusat pembangunan dan aktiviti belia, ruang perniagaan produk tempatan dan pusat kegiatan agensi bukan kerajaan.

Tahun 2012 juga merupakan tahun yang sangat mencabar dengan tanggungjawab baru iaitu pemberian kuasa untuk

melaksanakan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 yang mula dikuatkuaskan mulai Julai 2012. Ini adalah salah satu usaha kerjaan dalam meningkatkan keupayaan sara hidup masyarakat dan selaras dengan matlamat kerajaan untuk menuju kearah Negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Di samping itu, pindaan Akta Kerja 1955 telah dilaksanakan dan telah diwartakan pada 30 Mac 2012. Pindaan ini turut memberi perluasan perlindungan kepada pekerja sehingga bergaji RM 2,000.00 berbanding sebelum ini hanya RM 1,500.00 sahaja.

Dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pentadbir perburuhan, JTKSM sentiasa komited untuk memastikan hak dan kebijakan pekerja sentiasa terpelihara disamping kebijakan majikan juga diberi keutamaan. Ia adalah bagi memastikan keharmonian perhubungan perusahaan Negara dapat ditekankan. Justeru, JTKSM sentiasa menekankan konsep tripatisme dengan penglibatan wakil-wakil majikan dan pekerja untuk memberi pandangan undang-undang dan dasar perburuhan. Pertikaian industri yang membawa kepada mogok, piket dan demonstrasi perburuhan harus dicegah dan dibendung.


Akhir kata, diharapkan penerbitan buku laporan ini dapat memberikan informasi yang berguna kepada masyarakat industri khususnya dan kepada masyarakat umum secara amnya. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia mengalu-alukan sebarang cadangan dan maklumbalas daripada semua pihak untuk menambah baik penerbitan laporan ini di masa akan datang

Sekian, terima kasih.



**Encik Mohd Jeffrey bin Joakim**  
**Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia**

# CARTA JABATAN TENAGA KERJA



# ORGANISASI SEMENANJUNG MALAYSIA

PENASIHAT  
UNDANG-UNDANG  
L41/L44

MIDA  
S48

BHG  
STANDARD  
PERBURUHAN  
S54

BHG  
PENGUATKUASAAN  
S54

UNIT  
ADUAN & SKUAD  
KHIDMAT CEPAT  
S52

UNIT  
MAHKAMAH BURUH  
S48

UNIT  
KEMUDAHAN  
ASAS LADANG  
S44

UNIT PERLESENAN  
DAN PERMIT  
PERBURUHAN  
S48

UNIT  
TINDAKAN  
PERBURUHAN  
S44

UNIT PEMERIKSAAN,  
PENDAKWAAN  
DAN KOMPAUN  
S48

UNIT PENCEGAHAN  
GANGGUAN SEKSUAL  
S44

JTK  
NEGERI

JTK  
MELAKA  
S48

JTK  
JOHOR  
S54

JTK  
PAHANG  
S52

JTK  
KELANTAN  
S48

JTK  
TERENGGANU  
S48

JTK  
WP LABUAN  
S44

► Pengurusan Tertinggi



**Encik Mohd. Jeffrey bin Joakim**

*Ketua Pengarah*



**Encik Asri bin Ab. Rahman**

*Timbalan Ketua Pengarah*

## Pengarah Bahagian



**Encik Rahmat bin Ismail**  
*Pengarah Perkhidmatan  
Pekerjaan*



**Tuan Haji Mohd Asri bin  
Abdul Wahab**  
*Pengarah Standard Perburuhan*



**Encik Jack Meredu Ak Ko**  
*Pengarah Penguatkuasaan*

## ► Pengarah Bahagian



**Encik Aminudin bin**

**Ab. Rahaman**

*Pengarah Penyelidikan  
Dan Perancangan*



**Puan Puteri Azlina binti  
Megat Ramli**


*Pengarah Khidmat Pengurusan*




**Encik Wan Ismail bin**

**Wan Ibrahim**

*Pengarah Pekerja Asing*



*Selayang Pandang*  
100 tahun TEKSM



**Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)** telah seabad mengharungi pelbagai cabaran dan menjadi semakin dinamik sejajar dengan usia penubuhannya dalam mengurus dan mentadbir hal ehwal perburuhan. Usia JTKSM ini membuktikan bahawa kewujudan agensi ini diiktiraf dan terus relevan seiring dengan momentum yang dipacu perkembangan sosial ekonomi dan politik nasional sejak kurun ke-19.

Sistem pentadbiran perburuhan di Malaysia bermula sejak tahun 1919 dengan kemasukan pekerja perladangan dan juga perlombongan. Pekerja imigran ini dibawa masuk ke negara ini akibat permintaan buruh dalam kedua-dua sektor ini. Bagi mengawal dan menjaga pekerja-pekerja imigran ini, Kolonial British telah memperkenalkan undang-undang iaitu “Dissertion of Chinese Coolies 1886” dan “Whipping of absconding coolies 1888” yang kemudiannya digubal sebagai Kanun Buruh 1895. Kepesatan pertumbuhan sektor perlombongan ini membawa kemasukan pekerja migran menyebabkan Kanun Buruh 1895 dikuatkuasakan.

JTKSM yang mulanya dikenali sebagai Jabatan Buruh telah ditubuhkan pada tahun 1912 di Negeri-negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Ia merupakan jabatan pertama yang melaksanakan pentadbiran perburuhan semasa pentadbiran pemerintahan British. Enakmen pertama yang diperkenalkan ialah Kanun Buruh 1912 yang merangkumi pelbagai aspek perburuhan dan mempunyai peruntukan berkaitan dengan pengajian pekerja migran Cina dan India. Pada mulanya undang-undang buruh bertujuan memberi hak-hak istimewa kepada majikan. Selaras dengan keperluan ekonomi dan perburuhan, beberapa peruntukan undang-undang telah digubal bagi menangani masalah pekerja dan majikan.

Pada 1 Oktober 1923, Kanun Buruh 1923 telah dikuatkuasakan. Enakmen ini menyatukan dan meminda perundangan berkaitan perburuhan serta meminda kanun Buruh 1912. Kanun Buruh 1923 menggariskan peruntukan-peruntukan am untuk semua pekerja yang meliputi antaranya perkara-perkara kontrak perkhidmatan, prosedur kilanan, upah dan penguatkuasaan oleh Pengawal Buruh.



Almahrum D.Y.M.M. Sultan Pahang bersama kakitangan Jabatan Buruh yang bertugas di Pejabat Buruh Bentong pada tahun 1955.

#### UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN SEBELUM MERDEKA

- Labour Code
- Employment Ordinance 1955
- Wages Council Ordinance 1947
- Industrial Courts Ordinance (No. 37 Tahun 1948)
- Industrial Disputes Ordinance (No.4 Tahun 1949)
- Children and Young Persons Ordinance (No. 33 Tahun 1947)
- Weekly Holidays Ordinance (No. 47 Tahun 1950)
- Emergency Holidays Ordinance (No. 47 Tahun 1950)
- Emergency (Registration of Labour) (1950)
- South Indian Labour Fund (No. 21 Tahun 1951)
- Workmen's Compensation Ordinance 1952 (No. 85 Tahun 1953)
- Employment Information Ordinance 1953 (No. 33 Tahun 1953)

“Pelaksanaan dasar-dasar nasional ini telah menjadikan negara mengalami perubahan dengan menikmati pertumbuhan ekonomi yang pesat, pertambahan sektor perkilangan dan tempat-tempat pekerjaan industri sokongan serta peningkatan gunatenaga negara.”

Akta Kerja 1955 telah dikuatkuasakan pada tahun 1955 yang membawa kepada era baru sejarah undang-undang perburuhan di Malaysia. Akta ini adalah statut utama melindungi hak pekerja dan memastikan majikan mematuhi peruntukan undang-undang. Selepas kemerdekaan pada tahun 1957, peruntukan undang-undang perburuhan telah disemak dan ditambahbaik bagi melindungi pekerja daripada dieksplotasi oleh majikan tanpa menjaskankan kepentingan pihak majikan.

Selepas kemerdekaan, undang-undang perburuhan telah mengalami perubahan dan pindaan digubal bagi menangani tuntutan isu-isu dan cabaran perburuhan semasa agar ianya terus relevan dalam menjaga kepentingan pekerja dan majikan. Mulai pertengahan tahun 1970-an dan seterusnya, selaras dengan transformasi sosio ekonomi negara pentadbiran perburuhan menjadi semakin signifikan apabila kerajaan memberi keutamaan berkaitan pembangunan sumber manusia untuk mendokong matlamat negara maju.



Gambar kenangan di hadapan Ibu Pejabat Buruh Pahang dan Terengganu



Kakitangan Jabatan Buruh awal 70-an

Selaras dengan itu, kerajaan telah menggubal Dasar Buruh Negara sebagai mengiktiraf kepentingan penglibatan sumber manusia bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Objektif Dasar Buruh Negara ialah:

- i. Mengadakan strategi pekerjaan;
- ii. Mewujudkan tenaga kerja terlatih dan berkemahiran serta sanggup menerima pembaharuan;
- iii. Meningkatkan produktiviti perburuhan dan menggalak etika kerja yang baik;
- iv. Mewujudkan suasana perhubungan perusahaan yang harmoni; dan
- v. Memastikan standard perburuhan dan keselamatan sosial responsive untuk memenuhi kehendak dalam memperbaiki kehidupan kaum pekerja.

Era 1980-an, Malaysia telah menyaksikan peralihan sosio ekonomi yang besar daripada pergantungan ekonomi pertanian kepada aktiviti ekonomi perkilangan. Bagi merangsang perkembangan ini, kerajaan telah memperkenalkan beberapa dasar nasional seperti Dasar Perindustrian, Dasar Persyarikatan dan Dasar Penswastaan. Pelaksanaan dasar-dasar nasional ini telah menjadikan negara mengalami perubahan dengan menikmati pertumbuhan ekonomi yang pesat, pertambahan sektor perkilangan dan tempat-tempat pekerjaan industri sokongan serta peningkatan gunatenaga negara. Perubahan besar ini telah menjadikan fungsi JTKSM terus berkembang dengan peningkatan tanggungjawab dalam mengawal, menguatkuasa dan memantau perburuhan Negara agar terus stabil dan harmoni.

### UNDANG-UNDANG YANG TERUS DIKUATKUASAKAN SELEPAS KEMERDEKAAN

- Akta Kerja 1955
- Ordinance Buruh (Sabah Bab 67 ) dan Ordinance Buruh (Sarawak Bab 76) - dua negeri ini terus menguatkuasakan ordinan mereka sendiri sejak diperkenalkan pada tahun 1952
- Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) - idea asal peruntukan berkaitan dengan kemudahan perumahan, pusat asuhan kanak-kanak, bekalan air dan elektrik adalah terletak di bawah 'Rump Labour Code' telah disatukan di bawah akta yang baru ini.
- Akta Pampasan Pekerja 1952 (Akta 273) - dikuatkuasakan pada tahun 1953 dengan pemakaian kepada negeri di Semenanjung Malaysia sahaja. Pada 1981, akta telah diperluaskan pemakaian ke Sabah dan Sarawak melalui *Modification of Laws (Workmen's Compensation Extension and Modification)*.
- Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 (Akta 195) - terdapat beberapa perintah peraturan yang terlibat iaitu Perintah Peraturan Gaji (Pembantu Kedai) 1963, Perintah Peraturan Gaji (Hotel dan Perhidangan) 1967, Perintah Peraturan Gaji (Pemunggah-pemunggah Kapal, Pengendali-pengendali Kargo Pulau Pinang) 1964, Perintah Peraturan Gaji 1972 (Pekerja-Pekerja Wayang Gambar)
- Akta Cuti Mingguan 1950 (Akta 220) - dikuatkuasakan pada 1 Oktober 1951. Akta ini menetapkan bahawa setiap pekerja yang bekerja di sektor perniagaan runcit hendaklah diberi cuti rehat mingguan pada setiap minggu.
- Akta Maklumat Pekerjaan 1953 (Akta 159) - mula dikuatkuasakan pada 15 November 1953 bertujuan untuk mengumpulkan maklumat mengenai terma dan syarat perkhidmatan seseorang pekerja yang digajikan dalam pasaran buruh.
- Akta Hari Kelepasan 1951 (Akta 369) - merupakan suatu akta bagi membuat peruntukan-peruntukan mengenai hari kelepasan am dan hari kelepasan bank.
- Akta (Pekerjaan) Kanak-kanak dan Orang Muda 1966 (Akta 350) - Awalnya peruntukan bagi maksud ini diletakkan di Bab X Ordinan Pekerjaan 1955. Akta ini diluluskan pada 1966.
- Akta Umur Persaraan Minimum 2012 - diwartakan pada Julai 2012 dan akan dikuatkuasakan pada Julai 2013
- Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 (Akta 670), bertujuan untuk mencegah dan memerangi pemerdagangan orang dan penyeludupan migran
- Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) - bertanggungjawab untuk menjalankan kajian tentang semua perkara yang berkenaan dengan gaji minimum dan membuat syor kepada kerajaan supaya membuat perintah gaji minimum.
- Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246) - menetapkan bahawa seseorang yang ingin menjalankan urusan agensi pekerjaan swasta hendaklah mempunyai lesen yang telah disahkan daripada Jabatan Tenaga Kerja.

## ► Selayang Pandang 100 Tahun JTKSM

Pada tahun 90an, JTKSM telah mengambil-alih sebahagian fungsi Jabatan Tenaga Rakyat (JTR) dengan tanggungjawab membuat padanan untuk majikan menyediakan peluang pekerjaan kepada ratusan ribu graduan dan pencari kerja yang lain bagi mendapatkan pekerjaan. JTKSM melalui perlancaran JobsMalaysia pada 25 Mac 2010 telah memudahkan majikan sektor swasta dan kerajaan mengiklankan kekosongan jawatan di dalam portal JobsMalaysia. Pengiklanan kekosongan jawatan yang boleh dibuat ialah Pekerja Am hingga ke jawatan Ketua Eksekutif. Untuk memantapkan ilmu dan kemahiran seseorang pencari kerja, JobsMalaysia juga memberi khidmat nasihat dan bimbingan kerjaya, teknik untuk menghadapi temuduga, penulisan *resume*, dan lain-lain yang berkaitan. JTKSM juga diberi mandat menggalas usaha membantu kerajaan merealisasikan untuk mentransformasikan Malaysia ke arah Negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020 melalui program-program pembangunan ekonomi nasional.

Pada tahun 1990an juga menyaksikan kemasukan pekerja asing akibat kekurangan tenaga kerja tempatan dalam sektor pertanian, pembinaan dan perkilangan. Ini telah mengakibatkan



Kakitangan Jabatan Buruh di pejabat Bentong

tanggungjawab dan peranan JTKSM semakin kompleks dengan perluasan skop fungsinya meliputi memberi perlindungan sosial kepada pekerja asing, di samping itu, JTKSM juga perlu memastikan kebajikan pekerja tempatan dan keselamatan perhubungan perusahaan negara terpelihara. Untuk



Di hadapan Jabatan Buruh Pahang dan Terengganu.



Pekerja ladang getah



Pekerja kilang juga dilindungi

“JTKSM sebagai pendokong utama penguatkuasaan undang-undang buruh yang perlu proaktif dalam menangani isu perburuhan yang semakin mencabar.”


itu, JTKSM kini komited dalam memastikan standard perburuhan dan keselamatan sosial serta responsif untuk memenuhi kehendak dalam memperbaiki kehidupan kaum pekerja di samping mendukung prinsip *tripartisme* yang akan menjamin keharmonian perhubungan perusahaan, meninggikan mutu kehidupan pekerja serta merangsang peningkatan produktiviti daya saing negara.

Undang-undang perburuhan di Negara ini perlu bersifat dinamik dan berubah mengikut keperluan semasa bagi memastikan ianya relevan dan menepati perubahan globalisasi serta perkembangan industri dan pekerjaan masa kini. Justeru itu, JTKSM sebagai pendokong utama penguatkuasaan undang-undang buruh perlu proaktif dalam menangani isu perburuhan yang semakin mencabar. Seiring dengan usianya yang kini menjangkau seabad, JTKSM telah melalui pelbagai pengalaman dan seterusnya menjadikan sebagai sebuah agensi ulung bagi menggalas tanggungjawab sebagai pendokong utama pentadbiran perburuhan negara.



Buruh binaan turut mendapat pembelaan di Malaysia

# PERLINDUNGAN HAK DAN KEBAJIKAN PEKERJA TERPELIHARA




Hasrat JTKSM adalah memberi perlindungan hak dan kebajikan pekerja serta menjaga keharmonian hubungan majikan dan pekerja yang berlandaskan kesemua undang-undang buruh yang dikuatkuasakan. Cabaran dan tanggungjawab JTKSM mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang buruh makin bertambah berikutan pertambahan majikan dan gunatenaga dari setahun ke setahun. Bagi memenuhi tanggungjawab dan fungsinya, JTKSM telah menggariskan perlaksanaan aktiviti-aktiviti berikut:

- Pemeriksaan Tempat Pekerjaan;
- Penyiasatan Aduan;
- Pengendalian Pampasan Pekerja;
- Pendakwaan Dan Kompaun;
- Aktiviti Ceramah Dan Dialog Industri; dan
- Pengurusan Pemberhentian Pekerja



Hak pekerja dan majikan sentiasa dilindungi.

Carta 1 : Perbezaan Peningkatan Bilangan Majikan di Semenanjung Malaysia Tahun 2008 dan 2012




\*SUMBER: DATA LMD

## PEMERIKSAAN TEMPAT PEKERJAAN DAN PENGENDALIAN ADUAN

Prinsip-prinsip pemeriksaan ialah:

- Pentadbir polisi/dasar perburuhan dan pemantauan pematuhan undang-undang dan standard perburuhan;
- Kerjasama erat di antara *Labour Inspector*, majikan dan pekerja untuk:
  - meningkatkan dan memperbaiki persekitaran pekerjaan (*working condition*) yang lebih kondusif ;
  - dan berkongsi informasi tentang tanggung-jawab statutori perburuhan
- Kerjasama berkesan dengan pakar-pakar dan pengamal undang-undang buruh serta institusi berkaitan perburuhan
  - Pengetahuan yang berkesan tanpa kerjasama
- Meningkatkan dan menitikberatkan tindakan pencegahan (*preventive action*)
  - Membangun budaya pencegahan di dalam amalan perburuhan
- Meningkatkan liputan pemeriksaan yang proaktif dan tindakan pembetulan (*corrective action*) untuk melindungi semaksimum mungkin bilangan pekerja dilindungi.

Tujuan dan matlamat pemeriksaan penguatkuasaan ke atas tempat-tempat pekerjaan adalah seperti berikut:



JTKSM telah mengambil beberapa pendekatan bagi memastikan aktiviti pemeriksaan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Langkah-langkah yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

- Memperkenalkan '*Three Tier Approach*' di mana pemeriksaan dibahagi kepada tiga jenis iaitu:
  - Audit
  - Promosi
  - Pemeriksaan Penyiasatan Aduan

### Pemeriksaan Tempat Pekerjaan: *Three Tier Approach*



- Membuat pemeriksaan di premis yang telah dikenalpasti melanggar peruntukan undang-undang atau gagal menjaga kebajikan pekerja;
- Membuat pemeriksaan khas dengan menggunakan pendekatan Skuad Khidmat Cepat (SKC) untuk menyelesaikan permasalahan perburuhan dengan kadar segera;
- Data dan maklumat perburuhan di dalam Sistem *Labour Market Database* (LMD) amat penting dalam membantu memantapkan pemeriksaan dan juga pentadbiran perburuhan.

## ► Perlindungan Hak dan Kebajikan Pekerja Terpelihara

Jadual 1: Bilangan Pemeriksaan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2012

| Negeri          | Pemeriksaan Audit | Pemeriksaan Pembangunan | Pemeriksaan Ladang |
|-----------------|-------------------|-------------------------|--------------------|
| Perlis          | 484               | 122                     | 4                  |
| Kedah           | 2261              | 345                     | 70                 |
| Pulau Pinang    | 3136              | 270                     | 13                 |
| Perak           | 4362              | 567                     | 376                |
| Selangor        | 5783              | 623                     | 117                |
| Kuala Lumpur    | 2996              | 372                     | -                  |
| Negeri Sembilan | 1274              | 295                     | 73                 |
| Melaka          | 1569              | 162                     | 73                 |
| Johor           | 4723              | 610                     | 324                |
| Pahang          | 2624              | 617                     | 260                |
| Kelantan        | 1320              | 285                     | 175                |
| Terengganu      | 2247              | 520                     | 120                |
| Labuan          | 157               | 78                      | 0                  |
| <b>Jumlah</b>   | <b>32,936</b>     | <b>4,866</b>            | <b>1,605</b>       |

Sumber: Data LMD JTKSM



Pegawai JTKSM sedang menjalankan tugas.

“Pengenalan akta-akta baru seperti Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 dan Akta Umur Persaraan Minimum 2012 memberi dimensi baru dalam aktiviti penguatkuasaan Jabatan.”

Daripada jumlah pemeriksaan tersebut terdapat juga majikan yang diberi notis pematuhan bagi yang tidak mengikuti peruntukan yang telah digariskan didalam undang-undang buruh. Sebanyak 2,130 notis pematuhan telah dikeluarkan kepada majikan bagi tempoh Januari hingga Disember 2012 berbanding 3,832 notis pembetulan yang dikeluarkan pada tahun 2011. Ini menggambarkan peningkatan pematuhan majikan dan meluaskan skop pekerja yang mendapat faedah daripada pematuhan majikan terhadap undang-undang buruh.

Tahun 2012 adalah tahun mencabar kepada JTKSM. Pengenalan akta-akta baru seperti Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 dan Akta Umur Persaraan Minimum 2012 memberi dimensi baru dalam aktiviti penguatkuasaan Jabatan. JTKSM telah menggandakan usaha bagi memastikan majikan mematuhi undang-undang perburuhan yang baru diperkenalkan itu.



“JTKSM akan menyiasat, mengendalikan dan menyelesaikan aduan-aduan pertikaian perburuhan di antara pekerja dan majikan dalam memastikan kestabilan hubungan industri tidak terjejas”

### PENGENDALIAN ADUAN

JTKSM berperanan melindungi hak kebajikan pekerja serta menjaga kepentingan majikan, di samping mengekalkan kestabilan hubungan industri. Kestabilan hubungan industri perlu dikawal dan dikesalkan. Justeru itu, JTKSM akan menyiasat, mengendali dan menyelesaikan aduan-aduan pertikaian perburuhan di antara pekerja dan majikan dalam memastikan kestabilan hubungan industri tidak terjejas di samping memastikan peningkatan tahap pematuhan dan kefahaman undang-undang oleh majikan dan pekerja.

JTKSM menerima aduan daripada pelbagai sumber seperti :

- Pejabat Perdana Menteri,
- Pejabat Menteri Sumber Manusia,
- Biro Pengaduan Awam,
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia,
- Media massa dan
- Melalui individu tertentu.

JTKSM mengendalikan aduan yang melibatkan isu-isu penggajian pekerja antaranya seperti:

|   |
|---|
| Bayaran Kerja Lebih Masa                |
| Bayaran Gaji                            |
| Cuti Bersalin                           |
| Faedah Penamatan Kerja                  |
| Cuti Sakit                              |
| Cuti Tahunan                            |
| Bayaran Faedah Tamat Kerja              |
| Menggaji Kanak-kanak / Orang Muda       |
| Membina Rumah Yang Belum DiKeluarkan CF |
| Tidak Melaksanakan Gaji Minimum         |
| Tidak Menginsurangkan Pekerja           |

Sebanyak 5,770 kes aduan yang dikendalikan oleh JTKSM sepanjang tahun 2012. Daripada jumlah tersebut, 5,454 kes berjaya diselesaikan atau 94.5% dalam tahun yang sama (lihat jadual 2). Semua kes diselesaikan pada tahun yang sama kecuali kes-kes aduan yang dilaporkan pada hujung tahun akan cuba diselesaikan pada akhir tahun tersebut dan jika tidak akan dilanjutkan ke bulan tahun berikutnya.

Peratus penyelesaian kes aduan ini menunjukkan komitmen yang tinggi JTKSM dalam menegakkan pematuhan undang-undang melalui penguatkuasaan, meningkatkan bilangan majikan agar mematuhi undang-undang dan memperluaskan bilangan pekerja yang dijamin perlindungan hak dan kebajikan mereka di bawah undang-undang buruh.

*Jadual 2: Kes Yang Dikendali Dan Diselesaikan Pada Tahun 2012*

| Kes Kendali | Kes Selesai | %    |
|-------------|-------------|------|
| 5,770       | 5,454       | 94.5 |

Sumber: LMD

Komitmen JTKSM ini dapat diterjemahkan melalui tindakan komited aduan yang disiasat dan diberi maklum balas hasil siasatan kepada pengadu mengikut garis panduan MS ISO 9001:2008. Langkah ini bertepatan dengan standard antarabangsa MS ISO yang menetapkan keperluan bagi satu sistem pengurusan kualiti. Mengikut standard itu JTKSM perlu:

- a. Menunjukkan keupayaannya menyediakan secara teknal produk yang memenuhi keperluan pelanggan, serta keperluan berkanun dan peraturan yang diguna pakai, dan
- b. Mempunyai tujuan untuk meningkatkan kepuasan pelanggan melalui pemakaian sistem yang berkesan, termasuk proses penambahbaikan yang berterusan untuk sistem ini dan jaminan keakuratan dengan keperluan pelanggan serta keperluan berkanun dan pada peraturan yang diguna pakai.

## PENGENDALIAN KES DI BAWAH AKTA ANTI-PEMERDAGANGAN DAN ANTI PENYELUDUPAN MIGRAN 2007.

Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti-penyeludupan Migran 2007 bertujuan untuk membasmi masalah pemerdagangan orang, iaitu sama ada warganegara Malaysia dan bukan warganegara serta penyeludupan migran di negara ini secara holistik yang merangkumi aspek berikut:

- Pencegahan;
- Pendakwaan; dan
- Perlindungan mangsa

Akta ini mula dikuatkuasakan pada 25 Februari 2008. Akta ini selanjutnya telah dipinda pada tahun 2010 dan kini dikenali sebagai Akta Antipemerdagangan dan Anti Penyeludupan Migran 2007. Pindaan ini bertujuan untuk memperkuatkukuhkan rangka kerja peraturan supaya lebih efektif dalam menangani isu-isu berkaitan pemerdagangan dan penyeludupan migran.

Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 telah diperkenalkan yang mana memperuntukkan kesalahan-kesalahan pemerdagangan orang, perlindungan dan bantuan kepada mangsa pemerdagangan, penubuhan MAPO dan hal-hal yang berkaitan dengannya selaras dengan Garis panduan Perlindungan Antarabangsa UNHCR Protocol (*Palemor Protocol*)

Pengenalan Akta ini telah meletakkan tanggungjawab baru penguatkuasaan undang-undang di bawah JTKSM dengan mengawal kemasukan migran tanpa wujud elemen-elemen penindasan, penyeludupan dan pemerdagangan orang.

Pemerdagangan orang dan penyeludupan migran merupakan isu global yang memerlukan tindakan bersepadu untuk menanganinya. Bagi mengekang berlakunya pemerdagangan dan penyeludupan migran, kerajaan telah memperkenalkan Pelan Tindakan Nasional sebagai instrumen penting.

Pelan Tindakan ini adalah sebagai garis panduan dalam usaha mengatasi pemerdagangan orang serta melengkapai Akta Antipemerdagangan Orang dan Akta Anti Penyeludupan Migran 2007 yang sedia ada dengan menggariskan sembilan matlamat strategik seperti berikut:

- a) Memperkuatkukuhkan mekanisma perundangan;

“Bagi mengekang daripada berlakunya pemerdagangan dan penyeludupan migran kerajaan telah memperkenalkan Pelan Tindakan Nasional sebagai instrumen penting.”

- b) Tindakan bersepadu di kalangan agensi-agensi penguatkuasaan;
- c) Kesedaran awam dan pencegahan;
- d) Perlindungan dan pemulihan;
- e) Membanteras pemerdagangan buruh;
- f) Bina upaya;
- g) Pengurusan maklumat;
- h) Kerjasama pintar; dan
- i) Mengukur prestasi dan ketahanan.

*Jadual 3 : Statistik Kes ATIPSOM Yang Dikendalikan Oleh JTKSM, Bagi Tahun 2012*

| Bilangan Kes ATIPSOM |             |
|----------------------|-------------|
| Kes Dikendalikan     | Kes Selesai |
| <b>39</b>            | <b>38</b>   |

Statistik dalam jadual 3 di atas, menunjukkan kejayaan besar JTKSM dalam menangani kes Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran.



*Tindakan bersepadu sering dijalankan dalam usaha menguatkuasakan undang-undang.*

## ► Perlindungan Hak dan Kebajikan Pekerja Terpelihara

*Jadual 4 : Penalti-penalti di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007*

| SEKSYEN     | JENIS KESALAHAN   |
|-------------|---|
| Seksyen 12  | Kesalahan pemerdagangan orang. Penjara tidak melebihi 15 tahun dan boleh juga didenda   |
| Seksyen 13  | Kesalahan pemerdagangan orang dengan cara ancaman, kekerasan dan eksploitasi. Penjara tidak kurang 3 tahun tetapi tidak melebihi 20 tahun dan boleh juga didenda  |
| Seksyen 14  | Kesalahan pemerdagangan kanak-kanak. Penjara tidak kurang 3 tahun tetapi tidak melebihi 20 tahun dan boleh juga didenda   |
| Seksyen 15  | Kesalahan mendapatkan keuntungan daripada eksploitasi orang yang diperdagangkan. Penjara tidak melebihi 15 tahun penjara dan boleh juga didenda tidak kurang RM500,000.00 tetapi tidak melebihi RM1 juta dan boleh juga dilucutahkan keuntungan daripada kesalahan itu. |
| Seksyen 15A | Kesalahan berhubung orang dalam transit. Penjara tidak melebihi 7 tahun dan boleh juga didenda.   |
| Seksyen 63. | Mana-mana kesalahan yang tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh disabitkan dengan denda tidak melebihi RM150,000.00 atau penjara selama tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.   |

### KES BURUH

JTK Negeri dan pejabat cawangannya mengendalikan kes buruh yang terhasil dari aduan yang dibuat. Tuntutan yang melibatkan kewangan boleh disiasat bawah seksyen 69, 69B dan 69 C Akta Kerja 1955 untuk dibicara dan diputuskan di Mahkamah Buruh. Mahkamah ini akan menyelesaikan tuntutan perburuhan berteraskan prinsip keadilan asasi (*natural justice*) bagi menjamin hak pekerja dan majikan dilindungi. Pekerja bergaji sehingga RM2,000 adalah dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Kerja 1955 manakala pekerja bergaji RM2,000 sehingga RM5,000 dilindungi sebahagian berdasarkan punca kuasa yang wujud dari surat tawaran kerja, termasuk syarat-syarat perkhidmatan dari majikan.

*Jadual 5 : Statistik Kes Buruh Yang Dikendalikan Oleh JTKSM, Bagi Tahun 2012*

| Bilangan Kes Buruh Bagi Tahun 2012 |                  |
|------------------------------------|------------------|
| Kes Dikendalikan                   | Kes Diselesaikan |
| 14,696                             | 13,320 (90.63%)  |

- Sumber: Data LMD

Baki kes yang dikendalikan pada tahun 2012 dibawa ke tahun 2013 untuk diselesaikan. Jumlah perintah yang telah dibuat oleh mahkamah buruh ialah sejumlah RM24,532,748. Faedah yang diterima oleh pihak yang menuntut dalam masa yang sama memberi kefahaman kepada pihak pekerja dan majikan mengenai hak dan pematuhan peruntukan undang-undang.


### PENGENDALIAN PAMPASAN PEKERJA ASING

Pampasan pekerja adalah suatu pembayaran wang yang diterima oleh seseorang pekerja yang mengalami kecederaan akibat daripada kemalangan di tempat pekerjaan. Kecederaan yang dialami oleh pekerja terdiri daripada hilang upaya sementara, hilang upaya kekal dan kes maut.

Carta 2 (*rujuk muka surat 26*) menunjukkan bahawa kes hilang upaya sementara yang dikendalikan adalah sebanyak 3,333 kes dan diselesaikan sebanyak 3,321 kes, diikuti kes hilang upaya kekal yang dikendalikan adalah sebanyak 625 kes dan diselesaikan sebanyak 620 kes dan kes maut yang dikendalikan adalah sebanyak 402 kes dan diselesaikan sebanyak 397 kes bagi tahun 2012.

## ► Perlindungan Hak dan Kebajikan Pekerja Terpelihara

Carta 2: Bilangan Kes Pampasan Pekerja Asing Yang Dikendalikan Mengikut Jenis Kemalangan Bagi Tahun 2012



Sumber: Data LMD

### Senarai Syarikat Panel Penanggung Insurans SPPA (Sehingga 31 Disember 2012)

| Bil. | Syarikat Insurans                      |
|------|--|
| 1    | ACE Jerneh Insurance Bhd               |
| 2    | Allianz General Insurance Malaysia Bhd |
| 3    | AmG Insurance Bhd                      |
| 4    | AXA Affin General Insurance Bhd        |
| 5    | Berjaya Sompo Insurance Bhd            |
| 6    | ETIQA Insurance Bhd                    |
| 7    | ETIQA Takaful Bhd                      |
| 8    | Hong Leong MSIG Takaful Bhd            |
| 9    | ING Insurance Bhd                      |
| 10   | Kurnia Insurans (Malaysia) Bhd         |
| 11   | Lonpac Insurance Bhd                   |
| 12   | MAA Takaful Bhd                        |
| 13   | MCIS Zurich Insurance Bhd              |
| 14   | MSIG Insurance (Malaysia) Bhd          |
| 15   | Multi-Purpose Insurance Bhd            |
| 16   | Overseas Assurance Corporation (M) Bhd |
| 17   | Progressive Insurance Bhd              |
| 18   | Prudential BSN Takaful Bhd             |
| 19   | QBE Insurance (M) Bhd                  |
| 20   | RHB Insurance Bhd                      |
| 21   | Syarikat Takaful Malaysia Bhd          |
| 22   | Takaful Ikhlas Sdn Bhd                 |
| 23   | The Pacific Insurance Bhd              |
| 24   | Tokio Marine Insurans (M) Bhd          |
| 25   | Tune Insurance Malaysia Berhad         |
| 26   | Uni. Asia General Insurance Bhd        |
| 27   | Zurich Insurance Malaysia Bhd          |

### Program Berkaitan Pampasan Pekerja Asing

JTKSM telah menganjurkan beberapa program pemantapan dan penambahbaikan dalam pengurusan pampasan pekerja asing seperti berikut:

| Bil | Program   | Tujuan   | Tarikh                | Tempat                        |
|-----|---|--|-----------------------|-------------------------------|
| 1   | Bengkel Pengurusan Pekerja Asing                          | 1. Penambahbaikan sistem ePampasan.<br>2. Menyediakan Standard Operating Prosedur (SOP) untuk sistem Permohonan Pekerja Asing.<br>3. Mewujudkan modul penghantaran notis pemberitahuan Skim Pampasan Pekerja | 24 - 26 April 2012    | A'Famosa Resort Hotel, Melaka |
| 2   | Forum Skim Pampasan Pekerja Asing                         | 1. Perlaksanaan SPPA sebagai prasyarat wajib bagi pengeluaran dan pembaharuan PLKS di Jabatan Imigresen Malaysia pada 01 Januari 2013.<br>2. Penambahbaikan prosedur pengendalian pampasan pekerja asing.    | 29 Oktober 2012       | Hotel Marriott, Putrajaya     |
| 3   | Bengkel Proses Dan Prosedur Penggajian Pekerja Bangladesh | 1. Menyediakan Standard Operating Procedure (SOP) bagi proses dan prosedur penggajian pekerja Bangladesh melalui Kerajaan kepada Kerajaan (G to G)   | 21 - 23 November 2012 | Institut Latihan KWSP Bangi   |

## ► Perlindungan Hak dan Kebajikan Pekerja Terpelihara

### PENDAKWAAN

Pendakwaan dilaksanakan bagi menegakkan prinsip keadilan dan jaminan hak atas kegagalan pematuhan yang berulang dan pelanggaran undang-undang yang serius yang dilakukan oleh pihak majikan. Pada tahun 2012, JTKSM telah berjaya mendakwa sebanyak 108 majikan dengan amaun denda sebanyak RM134,600.00. Secara keseluruhannya, pecahan bilangan kes pendakwaan yang dikendalikan sepanjang 2012 adalah seperti berikut.

*Jadual 6 : Statistik Kes Pendakwaan Yang Dikendalikan Oleh JTKSM Dan Jumlah Denda Yang Dikenakan, Bagi Tahun 2012*

| Bilangan Majikan | Jumlah Denda (RM) |
|------------------|-------------------|
| 108              | 134,600.00        |


• Sumber: Data LMD

### KOMPAUN

Tindakan kompaun yang diambil terhadap majikan merupakan salah satu cabang penguatkuasaan hasil daripada pemeriksaan berkanun dan siasatan aduan yang dijalankan oleh pegawai bagi memastikan majikan mematuhi standard perburuhan yang ditetapkan oleh undang-undang.

Semua jenis kesalahan di bawah Akta Kerja 1955 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya boleh dikompaun mengikut seksyen 101A Akta yang sama. Pada tahun 2012 seramai 512 majikan dikompaun.

*Carta 3 : Peratus Bilangan Majikan Yang Dikompaun Mengikut Jenis Kesalahan Bagi Tahun 2012*



• Sumber: manual JTKSM



*Perbicaraan sedang dijalankan.*



*Mengangkat sumpah sebelum prosiding perbicaraan.*

- Seksyen 60K (1), Akta 265 Kegagalan majikan melaporkan penggajian pekerja asing dalam tempoh ditetapkan.
- Peraturan 8, Peraturan-peraturan Kerja 1957 Kegagalan memberikan butir-butir dan termasuknya perkhidmatan kepada pekerja.
- Seksyen 19, Akta 265 Kegagalan membayar upah dalam masa ditetapkan.
- Seksyen 60I, Akta 265 Kegagalan mematuhi kiraan kadar upah yang ditetapkan
- Seksyen 24 Membuat potongan upah selain daripada potongan yang dibenarkan.
- Lain-lain Kesalahan

## PENGURUSAN PEMBERHENTIAN PEKERJA

### 1. SENARIO PEMBERHENTIAN PEKERJA DI MALAYSIA

Negara pada tahun 2012 berdepan dengan kesan ketidakstabilan pasaran ekonomi global yang didorong oleh krisis Zon Eropah dan Amerika Syarikat. Krisis hutang berdaulat euro yang berlarutan serta peningkatan inflasi global turut dirasai di Malaysia, apabila syarikat tempatan berorientasikan eksport dan rangkaian syarikat antarabangsa yang beroperasi di negara ini mula bertindak untuk optimumkan operasi mereka. Permintaan global yang semakin berkurang ekoran krisis ekonomi tersebut menyebabkan majikan terutamanya, terpaksa mengecilkan saiz perniagaan mereka bagi memastikan kelangsungan perniagaan dan berdaya saing.

Selain itu, perubahan kepada struktur penggajian dan perubahan teknologi baru telah menyebabkan syarikat mengambil langkah untuk memfokuskan aktiviti utama syarikat dan ini mendorong syarikat melakukan pengecilan tenaga kerja dan penjualan anak syarikat yang tidak menghasilkan keuntungan. Apabila saiz perniagaan dikecilkan ia pasti membabitkan pemberhentian dan pengurangan jumlah pekerja.

Oleh yang demikian, majikan dipertanggungjawabkan mematuhi Seksyen 63, Akta Kerja 1955 untuk memaklumkan pemberhentian pekerja, penutupan atau pengecilan operasi yang menyebabkan pengurangan pekerja kepada Jabatan Tenaga Kerja dalam tempoh 30 hari sebelum aktiviti pemberhentian dilakukan.

### 2. ANALISIS PEMBERHENTIAN DARI 1 JANUARI 2012 SEHINGGA 31 DISEMBER 2012

Pemberhentian pekerja bermaksud penamatkan kontrak perkhidmatan akibat keadaan berlebihan pekerja yang boleh timbul daripada beberapa sebab seperti penutupan syarikat, penyusunan semula syarikat, pengurangan pengeluaran, penggabungan syarikat, perubahan teknologi, pengambilalihan syarikat, kegawatan ekonomi dan sebagainya.

Bagi tujuan analisis senario pemberhentian yang dilaporkan bagi tempoh 1 Januari 2012 sehingga 31 Disember 2012, laporan ini merangkumi aktiviti pemberhentian biasa dan sukarela.

Statistik pemberhentian sehingga 31 Disember 2012 adalah seperti Jadual 7.

Pada tahun 2012, bilangan majikan di sektor pembuatan telah mencatatkan kadar pemberhentian tertinggi iaitu sebanyak 215 majikan atau 48% daripada jumlah keseluruhan majikan daripada sektor-sektor lain yang melaksanakan aktiviti pemberhentian. Pemberhentian di sektor pembuatan juga mencatatkan bilangan tertinggi pekerja yang diberhentikan iaitu sebanyak 15,485 orang pekerja dan jumlah pemberhentian 2012 mengikut sektor adalah seperti di carta 4.

Selain itu juga, perbandingan jumlah pekerja yang diberhentikan bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2012 dan dalam tempoh sama tahun 2011 adalah pertambahan sebanyak 54%. Manakala, jumlah majikan melaksanakan Pemberhentian bagi

Jadual 7: Statistik Pemberhentian pada 2012 dan 2011

| Aktiviti               | Bilangan Majikan | Jumlah Pekerja 2012 |       |        | Tahun 2011       |                |
|------------------------|------------------|---------------------|-------|--------|------------------|----------------|
|                        |                  | Tempatan            | Asing | Jumlah | Bilangan Majikan | Jumlah Pekerja |
| Pemberhentian Biasa    | 360              | 10,188              | 1,944 | 12,132 | 370              | 10,687         |
| Pemberhentian Sukarela | 86               | 5,733               | 3,510 | 9,243  | 69               | 3,157          |
| Jumlah Keseluruhan     | 446              | 15,921              | 5,454 | 21,375 | 439              | 13,844         |


Sumber: Bilik Gerakan Pemberhentian, JTKSM

tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2012 dan dalam tempoh sama tahun 2011 adalah pertambahan sebanyak 2%.

Trend pemberhentian pekerja bagi tahun 2012 secara keseluruhan telah mengalami peningkatan mendadak terutamanya pada suku tahun keempat. Ini dapat dilihat melalui Carta 5 yang menunjukkan

jumlah pemberhentian yang tinggi bagi pekerja asing pada bulan Disember. Kenaikan jumlah pemberhentian ini agak membimbangkan Jabatan. Walaupun majikan tidak mengakui secara langsung kaitan pelaksanaan tindakan pemberhentian tersebut dengan pelaksanaan gaji minimum yang akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2013, namun Jabatan memandang serius kebarangkaliannya.

*Carta 4: Jumlah Keseluruhan Pemberhentian Mengikut Sektor Dari 1 Januari Hingga 31 Disember 2012*






## Perlindungan Hak dan Kebajikan Pekerja Terpelihara

Oleh yang demikian, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia sebagai badan pemantau akan terus memastikan majikan membuat tindakan pemberhentian pekerja berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada. Pemantauan akan dibuat secara berterusan dari masa ke semasa bagi menjamin hak-hak pekerja terpelihara.

Jabatan ini juga sentiasa mengambil tindakan proaktif dan bekerjasama dengan pihak Kementerian Sumber Manusia dalam mewujudkan sistem jaringan keselamatan sosial bagi membantu pekerja diberhentikan supaya hak dan kebajikan mereka tidak diabai dan terbelah terutama dalam mendapatkan pekerjaan baru dan meneruskan kelangsungan hidup.

Carta 5: Graf Pemberhentian Pekerja Tempatan dan Pekerja Asing , 2012



### 3. TINDAKAN JABATAN TENAGA KERJA BERHUBUNG ISU PEMBERHENTIAN PEKERJA

Memastikan majikan melengkapkan Borang Pemberhentian (PK) dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tindakan pemberhentian dilakukan.

Membuat lawatan pemantauan dengan diketuai oleh Pengarah Negeri atau Ketua Pejabat. Pemeriksaan secara menyeluruh dilakukan bagi memastikan hak-hak pekerja dibayar mengikut undang-undang.

Meminta penjelasan majikan mengenai perancangan masa depan syarikat bagi tindakan susulan Jabatan Tenaga Kerja.

Bagi tujuan penempatan semula pekerja yang diberhentikan, lawatan akan diadakan ke tempat-tempat pekerjaan berhampiran yang lain bagi tujuan memaklumkan terdapatnya pekerja yang sedang mencari pekerjaan dan seterusnya membantu penempatan semula pekerja-pekerja yang telah diberhentikan.

## PERUMAHAN LADANG DAN KEMUDAHAN ASAS DI SEKTOR PERLADANGAN

Majikan yang menyediakan perumahan di sektor ladang perlu mematuhi standard perumahan yang telah ditetapkan di bawah Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) yang telah dikuatkuasakan sejak tahun 1990. Rumah substandard adalah rumah-rumah yang dibina sebelum berkuatkuasanya Akta 446 dan rumah yang tidak menepati keperluan standard-standard minimum yang ditetapkan di bawah Akta 446. Bagi pembinaan baru rumah pekerja, pihak majikan perlu mendapatkan kelulusan pelan untuk membina daripada JTKSM sebelum memperolehi Sijil Layak Menduduki (CF) bagi membolehkan pekerja mendudukinya. Ini bagi memastikan keselesaan tempat tinggal, kemudahan yang standard, moden dan selamat bagi menjamin kehidupan pekerja yang lebih maju.

### SKIM KHAS PEMBIAYAAN RUMAH PEKERJA ESTET (SKRE)

Skim ini diwujudkan lanjutan daripada pengumuman oleh YAB Perdana Menteri semasa Bajet 2011 mengenai meningkatkan pemilikan rumah di kalangan pekerja-pekerja estet di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Kerajaan telah mengumumkan peruntukan geran berbentuk dana pusingan (*revolving fund*) sebanyak RM50 juta yang disalurkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri kepada Bank Simpanan Nasional melalui JTKSM. Skim pemilikan rumah ini dinamakan sebagai Skim Pemilikan Perumahan Kos Rendah Pekerja-pekerja Estet (SPPKR-PPE). Walaubagaimanapun, skim ini didapati kurang mendapat sambutan daripada pekerja-pekerja estet, pencapaian pada tahun 2012 ialah sebanyak 17 permohonan telah diluluskan bagi skim ini. Faktor yang menyebabkan ianya kurang mendapat sambutan adalah kerana:

- i. Pekerja estet tidak mampu dari segi kewangan;
- ii. Pekerja estet lebih memerlukan bantuan kewangan dan subsidi berbanding pinjaman;
- iii. Kekurangan rumah kos rendah yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri dan pemaju perumahan;
- iv. Generasi kedua di estet juga tidak berupaya membantu ibu bapa dalam pembayaran pinjaman SKRE; dan
- v. Pemohon lebih berminat membeli rumah atas tanah (*landed house*) berbanding pangsapuri.



Rumah pekerja ladang.



Klinik ladang disediakan untuk kemudahan pekerja.

Oleh itu, pada 25 Oktober 2012, JTKSM dan Bank Simpanan Nasional bersetuju membuat penambahbaikan terhadap terma dan syarat skim sedia ada dan nama skim ini ditukar kepada Skim Khas Pembiayaan Rumah Estet (SKRE).

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Bank Simpanan Nasional yang dilantik sebagai badan yang menguruskan pinjaman. Antara ciri-ciri skim ini adalah:

- i. Menawarkan pakej pembiayaan / pinjaman perumahan secara islamik dan konvensional
- ii. Kadar pinjaman yang tetap 2.00% setahun atas baki bulanan pada keseluruhan tempoh pinjaman/pembiayaan
- iii. Tempoh pembiayaan sehingga 40 tahun
- iv. Pinjaman menjangkau generasi kedua

## ► Perlindungan Hak dan Kebajikan Pekerja Terpelihara

Syarat-syarat untuk memohon pinjaman melalui skim ini adalah seperti berikut:

| Bil  | Syarat-syarat memohon pinjaman   |
|------|--|
| i.   | Warganegara Malaysia berumur 21 tahun hingga 55 tahun semasa memohon dan tidak melebihi 65 tahun semasa tamat tempoh bayaran |
| ii.  | Terbuka kepada pekerja tetap estet yang telah disahkan oleh majikan  |
| iii. | Terbuka kepada pekerja estet yang mempunyai pendapatan tetap dan tidak termasuk pekerja kontrak estet dan pesara             |
| iv.  | Masih belum mengambil pinjaman / pembiayaan perumahan daripada lain-lain institusi kewangan                                  |
| v.   | Berpendapatan minima RM680.00 dan maksima RM3,000.00 sebulan   |

### PROGRAM BEKALAN AIR AWAM ESTET (BAAE)

Kerajaan telah memperuntukkan RM50 juta untuk menambah baik kemudahan bekalan air yang melibatkan penyambungan bekalan air dari punca sumber awam ke estet-estet. Pada tahun 2012, Kementerian Sumber Manusia telah memperkenalkan Program Bekalan Air Awam Estet (BAAE) yang terbahagi kepada 3 fasa.



Disediakan untuk kemudahan pekerja.

“Setakat akhir tahun 2012, sejumlah RM 42 juta telah dibelanjakan untuk program Bekalan Air Awam Estet (BAAE)”.

Objektif Program ini adalah :-

- i) Memastikan penambahbaikan kemudahan bekalan air di estet-estet;
- ii) Meningkatkan kualiti dan taraf hidup komuniti estet melalui pembekalan air bersih dari sumber awam; dan
- iii) Mengakal dan menggalakkan warga tempatan bekerja di sektor perladangan.

Syarat-syarat pelaksanaan Program BAAE adalah seperti berikut:-

- i) Keluasan estet 1000 ekar ke atas;
- ii) Penyambungan paip dibuat dari punca sumber awam ke sempadan/pintu masuk estet;
- iii) Pihak estet perlu membuat akuanji untuk melaksanakan penyambungan paip dengan mengenakan caj atas kadar domestik;
- iv) Persetujuan syarikat pembekal air negeri untuk membekalkan air sumber awam yang mencukupi; dan
- v) Tertakluk kepada syarat-syarat lain pelaksanaan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal.

Setakat akhir tahun 2012, sejumlah RM 42 juta telah dibelanjakan untuk program ini.

*Jadual 8 : Bilangan Ladang Yang Diluluskan & Bilangan Pekerja Dan Tanggungan Yang Mendapat Faedah Daripada Program BAAE Mengikut Fasa*

| Fasa BAAE     | Bil. Ladang | Bil. Pekerja & Tanggungan |
|---------------|-------------|---------------------------|
| Fasa 1        | 29          | 6,605                     |
| Fasa 2        | 10          | 4,633                     |
| Fasa 3        | 15          | 1,952                     |
| <b>JUMLAH</b> | <b>54</b>   | <b>13,190</b>             |

## ► Perlindungan Hak dan Kebajikan Pekerja Terpelihara

Jadual 9 : Bilangan Ladang Yang Diluluskan & Bilangan Pekerja Dan Tanggungan Yang Mendapat Faedah Daripada Program BAAE Mengikut Negeri.

| Negeri          | Bil. Ladang | Bil. Pekerja & Tanggungan |
|-----------------|-------------|---------------------------|
| Johor           | 19          | 5,250                     |
| Negeri Sembilan | 6           | 1,109                     |
| Melaka          | 3           | 223                       |
| Perak           | 13          | 2,138                     |
| Pahang          | 5           | 1,762                     |
| Terengganu      | 4           | 600                       |
| Kedah           | 4           | 2,108                     |
| <b>JUMLAH</b>   | <b>54</b>   | <b>13,190</b>             |

Jadual 9 menunjukkan bahawa pada tahun 2012 sebanyak 54 ladang yang terlibat dengan projek bekalan air awam estet yang merangkumi seramai 13,190 pekerja dan tanggungan. Johor adalah negeri tertinggi dengan meluluskan sebanyak 19 ladang bagi permohonan bekalan air awam estet. Dengan adanya projek ini ia dapat memberi manfaat kepada 5,250 pekerja dan tanggungan ladang.

“Objektif skim ini adalah untuk meningkatkan bilangan OKU yang menjadi usahawan dan berdikari di samping mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi golongan mereka sendiri.”

### PROGRAM SKIM BANTUAN GALAKAN PERNIAGAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (SBGP-OKU)

Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU) adalah satu Program Pembangunan Kerajaan dalam usaha untuk membantu semua warga Malaysia secara inklusif termasuk golongan OKU untuk menempatkan diri dalam pentas ekonomi agar dapat turut serta menyumbang ke arah pembangunan ekonomi yang mampan sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Melalui Program “Bantu Usahawan OKU Untuk Bantu OKU Lain”, Kerajaan melalui JTKSM,



Pelbagai skim diperkenalkan untuk membantu OKU berdikari.



*Timbalan Menteri menyantuni peserta OKU*

Kementerian Sumber Manusia, telah mengorak langkah pertama dengan memperkenalkan skim ini kepada umum pada tahun 2007 di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Bermula dari tahun 2007 sehingga 2012, sebanyak RM22 juta telah diperuntukkan di bawah program ini.

Objektif skim ini adalah untuk meningkatkan bilangan OKU yang menjadi usahawan dan berdikari di samping mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi golongan mereka sendiri. Selain daripada itu, skim ini juga mensasarkan peningkatan peluang pekerjaan bagi OKU dalam sektor pekerjaan supaya lebih ramai OKU dapat melibatkan diri dalam pasaran kerja.

Pada tahun 2012, sebanyak RM3,000,000.00 telah diperuntukkan di bawah skim SBGP-OKU. Seramai 114 orang Usahawan OKU telah menerima bantuan geran daripada peruntukan yang disediakan ini. Sebanyak 204 peluang pekerjaan telah disediakan untuk OKU bekerja dan seramai 114 orang usahawan OKU telah diambil bekerja.

Usahawan yang menerima kelulusan ini menjalankan pelbagai jenis perniagaan seperti jahitan, bengkel membaiki kenderaan, makanan, refleksologi, perniagaan runcit, perkhidmatan fotostat dan percetakan, hiasan dalaman, perunding perkahwinan dan andaman, fotografi, perakaunan dan audit,

### Syarat-syarat bantuan

- Skim ini terbuka kepada OKU Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas dan telah mempunyai perniagaan sekurang-kurangnya 3 bulan.
- Usahawan OKU akan dibantu dari segi pembelian peralatan perniagaan yang diperlukan untuk mengembangkan lagi perniagaan yang dijalankan.
- Skim ini juga akan membantu usahawan OKU mengubahsuai premis perniagaan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu seperti premis perniagaan milik sendiri atau sekiranya premis perniagaan disewa, pemohon mestilah mendapatkan surat persetujuan terlebih dahulu daripada pemilik premis sebelum kerja-kerja ubahsuai tersebut dijalankan.
- Usahawan OKU juga boleh memohon bantuan untuk tujuan promosi perniagaan seperti papan tanda perniagaan dan sebagainya.

membaiki telefon dan komputer, penternakan seperti penternakan itik, dan ikan air tawar. Ada juga antara usahawan OKU ini yang menjalankan perusahaan pembuatan seperti pembuatan perabut, kunci dan blok batu bata.

Skim bantuan kewangan dalam bentuk geran ini telah memberi peluang usahawan OKU untuk

| Peruntukan (RM) | Bilangan Usahawan Dibantu | Bilangan Peluang Pekerjaan untuk OKU | Bilangan OKU yang digajikan oleh Usahawan OKU |
|-----------------|---------------------------|--------------------------------------|---|
| 3,000,000.00    | 114                       | 204                                  | 114   |

mendapatkan kelengkapan peralatan baru dan moden serta dapat meningkatkan keupayaan perniagaan yang lebih mampan serta mampu memberi keyakinan kepada pelanggan berurusniaga dengan usahawan OKU.

Beberapa Usahawan OKU yang menerima bantuan SBGP-OKU telah menerima anugerah daripada beberapa agensi lain di atas kejayaan dan kecemerlangan mereka dalam perniagaan dan juga sebagai majikan. Antaranya Anugerah Usahawan Cemerlang daripada Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB) pada tahun 2011 dan Anugerah Majikan Prihatin daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada tahun 2012.

#### GAJI MINIMUM

Secara asasnya,



- a) Gaji minimum akan meliputi pekerja dalam semua sektor ekonomi di seluruh Negara, kecuali perkhidmatan domestik seperti pembantu rumah, tukang kebun dan sebagainya.
- b) Kadar gaji minimum bagi Semenanjung Malaysia ditetapkan pada kadar RM900.00 sebulan atau RM4.33 sejam. Bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah RM800.00 sebulan atau RM3.85 sejam.



Majlis penyerahan bantuan kepada golongan kurang upaya di bawah skim SBGP-OKU

#### Penalti-Penalti di Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011

| SEKSYEN    | PENALTI-PENALTI  |
|------------|--|
| Seksyen 43 | Denda tidak melebihi RM10,000.00 bagi setiap pekerja   |
| Seksyen 44 | Jika disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen 43, mahkamah boleh perintahkan supaya perbezaan kadar gaji minimum dengan gaji pokok dibayar oleh majikan kepada pekerja termasuk perbezaan yang belum selesai dibayar dan bayaran lain yang terakru daripada pengiraan gaji berdasarkan gaji pokok yang hendaklah mengikut kadar gaji minimum sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah gaji minimum |
| Seksyen 45 | Penalti am, denda tidak melebihi RM10,000.00   |
| Seksyen 46 | Penalti dalam hal kesalahan berterusan, denda harian yang tidak melebihi RM1000.00 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan   |
| Seksyen 47 | Penalti dalam hal kesalahan berulang, denda tidak melebihi RM20,000.00 atau dipenjarakan selama tidak melebihi 5 tahun   |



### PINDAAN AKTA BERKAITAN

Hasil daripada perbincangan dengan *Performance Management Delivery Unit* (PEMANDU) telah menyarankan pindaan undang-undang ini dikaji semula selaras dengan hasrat untuk memenuhi keperluan dan aspirasi semasa. Pindaan Akta melibatkan pindaan kepada Akta seperti berikut:

#### A. PINDAAN AKTA KERJA 1955

Berikut adalah pindaan-pindaan serta pengeluaran Perintah Pengecualian di bawah Akta kerja 1955:

##### i. Akta Kerja (Pindaan) 2012

Rang Undang-Undang Kerja (Pindaan) 2011 telah dibentangkan di Dewan Rakyat untuk bacaan kali pertama pada 21 Jun 2011. Pindaan ini melibatkan pindaan terhadap 28 peruntukan sedia ada, mewujudkan 17 peruntukan baru dan memansuhkan 2 peruntukan sedia ada. Pindaan terhadap Akta Kerja 1955 ini adalah bertujuan untuk menyesuaikan peruntukan-peruntukan di dalam Akta ini dengan keperluan semasa serta memantapkan penguatkuasaan undang-undang.

##### ii. Pindaan Jadual Pertama Akta Kerja 1955

Melalui pindaan terhadap Jadual Pertama, skop perlindungan pekerja di bawah Akta Kerja telah diperluaskan kepada mereka yang menerima gaji sehingga RM2,000.00.

##### iii. Perintah Pengecualian Di Bawah Seksyen 2B Akta Kerja 1955

Perintah Pengecualian yang dikeluarkan ini adalah merupakan suatu pengecualian terhadap semua sektor selain dari perladangan daripada pemakaian peruntukan-peruntukan yang berkaitan kontraktor tenaga kerja.

Melalui Perintah Penetapan Tarikh Kuat Kuasa Akta Kerja (Pindaan) 2012. Pengecualian di Bawah Seksyen 2B Akta Kerja 1955 dan Pindaan Kepada Jadual Pertama Akta Kerja 1955 telah pun diwartakan untuk dikuatkuasakan pada 1 April 2012.

*Jadual 10 : Jadual Pindaan Akta Yang Dikendalikan Oleh JTKSM, Bagi Tahun 2012*

| Keterangan  | Tarikh Pewartaan | Tarikh Penguatkuasaan |
|---|------------------|-----------------------|
| Akta Kerja (Pindaan) 2012                                 | 27 Mac 2012      | 1 April 2012          |
| Pindaan Jadual Pertama Akta Kerja 1955                    | 30 Mac 2012      | 1 April 2012          |
| Perintah Pengecualian Di Bawah Seksyen 2B Akta Kerja 1955 | 30 Mac 2012      | 1 April 2012          |

#### B. AKTA UMUR PERSARAAN MINIMUM 2012

Rang Undang-undang Akta Umur Persaraan Minimum 2012 telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 27 Jun 2012 dan diluluskan di Dewan Negara pada 17 Julai 2012. Akta ini telah diwartakan pada 16 Ogos 2012. Akta Umur Persaraan Minimum 2012 adalah bertujuan untuk penetapan umur persaraan minimum bagi sektor swasta sehingga usia 60 tahun dan akan mula berkuatkuasa 1 Julai 2013.

Peruntukan penting di bawah Akta Umur persaraan Minimum 2012

| SEKSYEN   | PERUNTUKAN  |
|-----------|---|
| Seksyen 4 | Penetapan umur persaraan minimum seseorang pekerja dalam apabila pekerja mencapai umur 60 tahun   |
| Seksyen 6 | Umur persaraan yang lebih awal daripada umur persaraan minimum, boleh ditetapkan oleh majikan dengan persetujuan pekerja dalam kontrak perkhidmatan atau perjanjian kolektif. Seseorang pekerja boleh memilih untuk bersara apabila mencapai umur persaraan pilihan tersebut. |
| Seksyen 7 | Majikan perlu meminda umur persaraan dalam kontrak perkhidmatan atau perjanjian kolektif kepada umur persaraan 60 tahun sekiranya umur persaraan sedia ada lebih rendah.  |



## **PEMANTAPAN PENDIDIKAN DAN PENINGKATAN PROMOSI PERBURUHAN**

## CERAMAH PERBURUHAN

JTKSM mengadakan ceramah perburuhan kepada *stakeholders* untuk meningkatkan pemahaman dan tindakan pencegahan (*preventive action*) dan tindakan pembetulan (*corrective action*), menyebarkan maklumat tentang dasar dan undang-undang buruh dan khidmat nasihat sebagai *platform* dalam menyalurkan maklumat-maklumat perburuhan kepada masyarakat industri.

Aktiviti ini bertujuan untuk memberi kesedaran (*awareness*) dan pengetahuan (*knowledge*) tentang tanggungjawab majikan terhadap kebijakan pekerja serta kepentingan majikan sendiri berhubung peranan mereka dalam menguruskan tenaga kerja mengikut keperluan undang-undang semasa.

Aktiviti ini bukan hanya memberi fokus kepada pihak majikan sahaja, malahan kepada pihak pekerja. Pekerja didedahkan berkaitan kesedaran untuk



Sambutan orang ramai terhadap program yang dianjurkan oleh JTKSM sangat menggalakkan

mengalakukan perubahan dari segi persepsi serta *mind set* berhubung sistem kerja baru masa kini dan bukan hanya berkonsepkan *job security* tetapi telah berubah kepada *employability*. Selain itu, golongan pekerja juga didedahkan tentang tanggungjawab serta peranan yang dimainkan bagi memastikan suasana perburuhan Negara berada dalam keadaan harmoni dan stabil.



Peserta memberi perhatian terhadap program yang sedang berlangsung



RAMAI .... sambutan terhadap program yang dianjurkan oleh JTKSM sangat menggalakkan

## DIALOG SOSIAL

Dialog industri berlandaskan pendekatan tripartisma yang menggabungkan penglibatan wakil-wakil majikan dan pekerja di samping JTKSM sebagai perantara *platform* dialog sosial JTKSM dalam membincangkan dan menyelesaikan isu-isu perburuhan.

Dalam mengekalkan kestabilan dan keharmonian hubungan perusahaan di antara majikan dan pekerja, pertikaian perusahaan haruslah dikawal dan dicegah. JTKSM sebagai pengantara perlu



KHUSYUK .... peserta mendengar penerangan yang diberikan dengan penuh minat

membina hubungan yang harmoni di antara kedua-kedua pihak majikan dan pekerja. Justeru itu, JTKSM menganjurkan program dialog industri bertujuan untuk:

- a) Memberi penekanan tentang aspek-aspek pelanggaran undang-undang buruh, tanggung-jawab majikan dan kebijakan serta perlindungan terhadap pekerja;
- b) Penyampaian dasar-dasar dan maklumat baru serta terkini berkaitan perburuhan Negara;
- c) Mendapatkan maklumbalas secara langsung berhubung perundangan perburuhan yang diamalkan untuk perancangan jabatan pada masa hadapan.

Sepanjang Tahun 2012, sebanyak 170 dialog industri telah dilaksanakan oleh pihak Jabatan di seluruh Semenanjung Malaysia yang memberi fokus kepada:

- a) Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2012.
- b) Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732).
- c) Akta Umur Persaraan Minimum 2012 (Akta 753).

### SESI PENERANGAN GAJI MINIMUM

Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 273) yang telah digubal dan diluluskan oleh parlimen pada sesi Jun/Julai 2011 merupakan hasil daripada gerak kerja Kementerian Sumber Manusia dan rakan sosial *tripartitisme* dalam merangka dan mengubal perundangan yang berkaitan. Akta tersebut yang diwartakan pada 15 September 2011 telah memberikan cabaran dan tanggungjawab baru kepada JTKSM sebagai agensi penguatkuasa.



Pegawai JTKSM sedang menyampaikan taklimat kepada peserta mengenai pelaksanaan gaji minimum


Pada tahun 2012, JTKSM dengan kerjasama Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) telah mengadakan taklimat kepada *stakeholders* bagi meningkatkan pemahaman berhubung pelaksanaan perintah gaji minimum ini.

Jadual 13: Sesi Taklimat Mengenai Pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2012

| BIL | NEGERI          | TARIKH        |
|-----|-----------------|---------------|
| 1.  | Terengganu      | 5 Sept. 2012  |
| 2.  | Perak           | 5 Sept. 2012  |
| 3.  | Selangor        | 6 Sept. 2012  |
| 4.  | Pahang          | 7 Sept. 2012  |
| 5.  | Pulau Pinang    | 10 Sept. 2012 |
| 6.  | Melaka          | 10 Sept. 2012 |
| 7.  | Johor           | 11 Sept. 2012 |
| 8.  | Perlis          | 12 Sept. 2012 |
| 9.  | Kedah           | 13 Sept. 2012 |
| 10. | Kelantan        | 13 Sept. 2012 |
| 11. | Labuan          | 18 Sept. 2012 |
| 12. | Negeri Sembilan | 18 Sept. 2012 |
| 13. | Kuala Lumpur    | 19 Sept. 2012 |



Sebahagian daripada peserta yang mengikuti taklimat pelaksanaan gaji minimum di Kuala Terengganu



## **PENGOPTIMUMAN GUNA TENAGA KERJA**

## PROGRAM PENEMPATAN PEKERJAAN

JTKSM telah merangka pelbagai aktiviti di bawah **Program Penempatan Pekerjaan** bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Aktiviti yang telah dilaksanakan adalah penyediaan portal padanan pekerjaan, penganjuran karnival pekerjaan, penganjuran temuduga terbuka dan *Client Account*. Matlamat utama program ini adalah menyediakan penawaran peluang pekerjaan kepada masyarakat bagi mempertingkatkan penggunaan sumber tenaga tempatan.

Portal JobsMalaysia merupakan suatu sistem padanan pekerjaan yang bertindak sebagai *enabler* bagi pertemuan antara pencari kerja dan majikan melalui kemudahan atas talian yang disediakan. Perkhidmatan portal ini didokong oleh pusat-pusat JobsMalaysia (JMC) yang telah diwujudkan diseluruh negara yang menawarkan perkhidmatan berlandaskan pendekatan *human touch*. Gabungan kedua-dua perkhidmatan ini menjadikan JobsMalaysia pusat sehenti bagi perkhidmatan pekerjaan yang unggul.

Pada tahun 2012, Penempatan Pekerjaan telah ditetapkan sebagai salah satu daripada Petunjuk Indeks Prestasi Kementerian (MKPI). MKPI bagi penempatan pekerjaan telah ditetapkan sebanyak 140,000 penempatan bagi tempoh Januari hingga

Disember 2012. Hasil komitmen yang tinggi semua warga kerja KSM, sasaran ini berjaya dicapai dengan sebanyak **218,588** penempatan pelbagai jawatan dalam pelbagai sektor industri. Daripada jumlah ini, sebanyak **71 251** adalah mereka yang tergolong dalam kalangan kategori siswazah.

Impak daripada program ini ialah:

- i. Mengurangkan kadar pengangguran
- ii. Memberi keyakinan yang tinggi kepada siswazah terhadap pasaran buruh
- iii. Menarik penganggur masuk dalam pasaran buruh



*Pegawai JTKSM sentiasa bersedia untuk membantu dengan memberi khidmat nasihat dan kerjasama yang terbaik kepada pencari kerja*

*Jadual 14 : Pencapaian Aktiviti Program Penempatan Pekerjaan*

| Aktiviti                                    | Penempatan     |                 |                 |
|---|----------------|-----------------|-----------------|
|   | Siswazah       | Bukan Siswazah  | Jumlah          |
| Portal Jobsmalaysia                         | 2, 162         | 9, 096          | 11, 258         |
| Karnival Pekerjaan                          | 8, 968         | 20, 529         | 29 ,497         |
| Kerjasama APS                               | 11, 015        | 12, 150         | 23, 165         |
| Temuduga Terbuka                            | 5, 441         | 20, 615         | 26, 056         |
| Client Account                              | 11 ,957        | 45, 627         | 57, 584         |
| Kerjasama Pelbagai Agensi                   | 6 ,164         | 9, 656          | 15, 820         |
| Employability Program                       | 996            | 2, 544          | 3, 540          |
| Kerja Separa Masa                           | 638            | 15, 489         | 16,127          |
| Program Khas (Azam Kerja, OKU, Homeworking) | 2, 889         | 6, 029          | 8 ,918          |
| Integrasi Sektor Awam                       | 21, 021        | 5, 602          | 26,623          |
| <b>Jumlah</b>                               | <b>71, 251</b> | <b>147, 337</b> | <b>218, 588</b> |

## KARNIVAL PEKERJAAN

Karnival pekerjaan telah membantu meningkatkan statistik penempatan dan menyumbang kepada pencapaian cemerlang melebihi sasaran yang dilakukan JTKSM. Karnival pekerjaan menjadi *platform* yang dapat mempertemukan secara langsung antara pencari kerja dan majikan dalam usaha mendapatkan padanan pekerjaan.

Karnival Pekerjaan melibatkan kombinasi aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

- **Temuduga Terbuka** telah membantu majikan menguruskan pengambilan kakitangan dengan membekalkan calon-calon yang bersesuaian.
- **Klinik Kerjaya** telah khidmat nasihat kepada pencari kerja berkaitan kaedah carian kerja, penulisan dan penyediaan *resume* serta surat permohonan kerja, tips bagi menghadapi temuduga, ketrampilan diri dan undang-undang perburuhan.
- **Pameran Kerjaya** dilaksanakan bagi penyebaran maklumat tentang peluang-peluang pekerjaan, latihan, pekembangan kerjaya dan peluang-peluang kerjaya yang berbentuk keusahawanan.
- **Pendaftaran Pencari Kerja** iaitu aktiviti bagi menggalakkan pencari kerja mendaftar dan menggunakan portal JobsMalaysia sebagai injin carian kerja atau mendaftarkan pencari kerja secara manual menggunakan borang yang ditetapkan mengikut mana yang bersesuaian.



TKSU menyampaikan sijil kepada peserta.

Dalam tahun 2012 sebanyak 104 siri Karnival Pekerjaan telah dilaksanakan di seluruh negara. Keseluruhan aktiviti ini telah berjaya menarik kehadiran lebih 150,000 pengunjung dengan penglibatan 410 buah syarikat yang menawarkan lebih kurang 100, 000 peluang pekerjaan.

Prestasi bagi aktiviti ini diukur berdasarkan kejayaan pengunjung yang berjaya memperolehi tawaran pekerjaan. Pada tahun 2012 aktiviti ini telah berjaya membantu menempatkan sebanyak 29,497 pencari kerja sekaligus berjaya melebihi sasaran 25,000 penempatan yang ditetapkan. Daripada jumlah 29,497 penempatan ini, 8,968 adalah dalam kategori siswazah iaitu mereka yang memiliki diploma dan ke atas.



Pencari kerja melihat dan memilih jawatan kosong yang ditawarkan oleh majikan

## ► Pengoptimuman Guna Tenaga Kerja

### AZAM KERJA 1MALAYSIA

Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang diperkenalkan pada tahun 2009 telah menggariskan 6 teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Salah satu daripada 6 teras tersebut adalah meningkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah (*Low Income Household-LIH*).

Peneraju utama bagi NKRA-LIH ini adalah Kementerian Pembangunan Keluarga Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang kemudiannya telah memperkenalkan Program 1Azam sebagai salah satu strategi bagi menangani taraf hidup LIH. Program 1Azam meliputi 4 inisiatif yang terdiri dari Azam Kerja, Azam Tani, Azam Niaga dan Azam Khidmat yang dilaksana oleh pelbagai Kementerian serta Agensi yang berkaitan.

Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah diberi peranan untuk melaksanakan inisiatif Azam Kerja. Azam Kerja dilaksanakan bagi meningkatkan janaan pendapatan melalui pekerjaan secara penggajian dan keusahawanan. Melalui program ini peserta-peserta diberi bantuan samada secara melalui tawaran peluang pekerjaan atau peluang menjalankan aktiviti keusahawanan.

Bagi mengurangkan kebergantungan peserta kepada bantuan Kerajaan, peserta bukan sahaja diberi bantuan tetapi juga dibimbing cara bagaimana mereka dapat mempertingkatkan pendapatan.

Pada tahun 2012, sejumlah 5,110 LIH telah menyertai Azam Kerja di mana 1,796 dari peserta ini telah berjaya mempertingkatkan pendapatan perkapita mereka melepas paras garis kemiskinan (PLI). Sejumlah besar daripada mereka 593 berjaya menjana pendapatan tambahan melebihi RM1,200 sebulan bagi membantu meningkatkan keupayaan taraf hidup dan mengurangkan kadar kemiskinan.

Azam Kerja akan diteruskan melalui GTP2.0 dengan sasaran khusus kepada *vulnerable group* seperti bekas penagih, bekas banduan, serta masyarakat Orang Asli.



Orang Asli juga diberi peluang menyertai program Menjana Pendapatan



Peserta Program Menjana Pendapatan sedang menyiapkan pesanan daripada pelanggan

## ► Pengoptimuman Guna Tenaga Kerja



Bakal peserta diberi peluang dan tunjuk ajar mengenai cara menggunakan mesin jahit



Wakil Dor' Rue memberi penerangan kepada pelawat



Wakil syarikat tidak menang tangan melayani pelanggan

### GOLONGAN SASAR PROGRAM AZAM KERJA

Peserta e-Kasih yang memilih Program Azam Kerja  
Penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Asnaf Jabatan Wakaf, Haji dan Umrah  
Marginalised Group (bekas banduan, bekas penagih,  
pelajar yang kecinciran, ibu tunggal, gelandangan)



Senang aje .... cuba dulu baru tahu.

### PENDEKATAN AZAM KERJA

Peluang Pekerjaan melalui Penempatan Terus  
Peningkatan Pendapatan melalui sumber alternatif  
(JANA PENDAPATAN)  
Peluang Latihan bagi Penyesuaian Kerjaya  
Perubahan minda



Wakil MARA bertukar-tukar dokumen dengan wakil JTKSM untuk mengadakan kerjasama

#### PERKONGSIAN PINTAR ANTARA AGENSI (kerjasama melalui karnival pekerjaan)

Perkongsian pintar antara agensi dalam pelaksanaan aktiviti Azam Kerja telah diperkenalkan untuk mewujudkan gabungan strategik yang akan membawa faedah kepada agensi-agensi yang terlibat samada dalam aspek kewangan, sumber manusia, peralatan, idea mahupun sumber maklumat. Dalam konteks sektor awam, perkongsian berlaku apabila agensi-agensi yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam sesuatu bidang berkongsi pengalaman justeru dapat memantapkan setiap perlaksanaan program.

Justeru, JTKSM juga melaksanakan prinsip ini dengan melibatkan diri dalam perkongsian pintar dengan agensi-agensi luar samada kerajaan, swasta mahupun badan bukan kerajaan. Dalam tahun 2012, beberapa jalinan kerjasama pintar telah dilaksanakan JTKSM dan ini menunjukkan bahawa kepercayaan tinggi agensi luar terhadap keupayaan dan kepakaran JTKSM dalam bidang tertentu khususnya dalam bidang perkhidmatan pekerjaan melalui penganjuran program karnival pekerjaan.



Seorang peserta meneliti borang permohonan



Sebahagian daripada orang ramai yang menghadiri Karnival Kerjaya anjuran MARA

## ► Pengoptimuman Guna Tenaga Kerja

| Agensi   | Bentuk Kerjasama                        |
|--|---|
| Majlis Amanah Rakyat (MARA)  | Karnival Pekerjaan                      |
| Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani | Karnival Pekerjaan<br>Bimbingan Kerjaya |
| Pusat Pembangunan Kerjaya, UPM   | Karnival Pekerjaan                      |
| Universiti Kuala Lumpur – Malaysian Institute of Aviation Technology (UniKL-MIAT)      | Karnival Pekerjaan                      |
| Kementerian Belia & Sukan  | Karnival Pekerjaan                      |
| Suruhanjaya Koperasi Malaysia  | Karnival Pekerjaan                      |
| Sekretariat BN Youth Jobs Fair   | Karnival Pekerjaan                      |
| Kerajaan Negeri Johor  | Karnival Pekerjaan (KEPAK)              |



Pegawai JTKSM sentiasa membantu



Antara pencari kerja yang hadir




Pegawai JTKSM sentiasa memberi sokongan terhadap Karnival Kerjaya yang dianjurkan

## ► Pengoptimuman Guna Tenaga Kerja

### PERMOHONAN PEKERJA ASING


Carta 6 : Bilangan Permohonan Dan Kelulusan Pekerja Asing Mengikut Sektor Pada Tahun 2012



Sumber : Bahagian Pekerja Asing, JTKSM

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 14,522 permohonan pengambilan pekerja asing telah diterima dan daripada jumlah tersebut sebanyak 10,309 permohonan telah diluluskan. Berdasarkan pecahan lima (5) sektor utama bagi pengambilan pekerja asing, didapati sektor perkilangan merupakan sektor tertinggi menerima permohonan pekerja asing iaitu sebanyak 5,721 permohonan, diikuti 2,949 permohonan sektor perkhidmatan, 2,845 permohonan sektor pertanian, 1,552 permohonan sektor perladangan dan sebanyak 1,455 permohonan sektor pembinaan.

Carta 7: Bilangan Pekerja Asing Yang Dipohon Dan Diluluskan Mengikut Sektor Pada Tahun 2012



Sumber : Bahagian Pekerja Asing, JTKSM

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 620,110 pekerja asing telah dipohon dan daripada jumlah tersebut 310,345 pekerja asing telah diluluskan. Berdasarkan pecahan lima (5) sektor utama didapati bahawa sektor perkilangan telah mendapat kelulusan pekerja asing yang tertinggi iaitu sebanyak 150,905 orang, diikuti sektor pembinaan (88,324 orang), sektor perladangan (50,708 orang), sektor pertanian (33,740 orang) dan sektor perkhidmatan sebanyak (31,674 orang). Kesannya ia dapat membantu syarikat menangani masalah kekurangan tenaga kerja.


## PENGURUSAN PEMBANTU RUMAH ASING

### 1) Program Seminar dan Dialog Pembantu Rumah Asing

Objektif utama perlaksanaan Seminar dan Sesi Dialog Pembantu Rumah Asing diadakan adalah :

- Memberi pengetahuan serta meningkatkan kesedaran tentang faedah, kebajikan serta jenis-jenis perlindungan di bawah peraturan dan perundangan perburuhan, peraturan-peraturan imigresen dan undang-undang jenayah di kalangan Pembantu Rumah Asing (PRA) dan Agensi Pekerjaan Swasta (APS);
- Memupuk serta menjalinkan perhubungan yang baik antara majikan, PRA dan APS; dan
- Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tentang peranan yang telah dimainkan oleh Agensi Kerajaan seperti Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Polis Di-Raja Malaysia (PDRM).

*Carta 8 : Bilangan Peserta Menghadiri Program Seminar Dan Dialog Pembantu Rumah Asing Bagi Tahun 2012*



Sumber : Bahagian Pekerja Asing, JTKSM



*Peserta mencatat butir-butir penting*

Sepanjang tahun 2012, seramai 773 orang telah menghadiri seminar dan dialog pembantu rumah asing. Daripada jumlah tersebut, terdapat seramai 235 orang Pembantu Rumah Asing (PRA), 246 orang majikan dan 292 orang wakil daripada Agensi Pekerjaan Swasta (APS). Rujuk carta 8.

Pada tahun 2012, sebanyak 31 buah seminar telah diadakan di seluruh Semenanjung Malaysia. Dalam tempoh tersebut, dianggarkan sebanyak 100 buah buku telah diedarkan kepada peserta seminar di seluruh negara. Tujuan utama buku tersebut diedarkan adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang faedah, kebajikan serta perlindungan di bawah peraturan dan perundangan perburuhan di kalangan Pembantu Rumah Asing, Majikan dan Agensi Pekerjaan Swasta.

### 2) Mesyuarat Pasukan *Joint Task Force (JTF)* Di Antara Kerajaan Malaysia Dan Republik Indonesia

Inisiatif dasar kerajaan untuk menjalinkan kerjasama dengan negara sumber bagi menyejaras pengambilan pekerja asing.

Mesyuarat ini adalah merupakan sebahagian daripada inisiatif yang telah digerakkan oleh pihak kerajaan Malaysia dan Indonesia melalui Pindaan Memorandum Persefahaman (MoU) Berhubung Pengambilan dan Penempatan Pembantu Rumah Indonesia (PRI). Tujuan penubuhan pasukan tersebut adalah untuk membincangkan perlaksanaan pindaan MoU tersebut khususnya yang melibatkan isu-isu teknikal yang membabitkan kedua-dua negara.

Pada tahun 2012, sebanyak 2 kali mesyuarat JTF telah diadakan iaitu pada 10 Januari 2012 dan 29 November 2012. Di antara tujuan mesyuarat ini ialah untuk membincangkan langkah-langkah bagi mengurangkan masalah eksploitasi dan diskriminasi demi menjamin pengambilan lebih teratur dan telus tanpa penganiayaan terhadap pekerja.

**3) Sesi Taklimat Dan Majlis Perlantikan Syarikat Agensi Pekerjaan Swasta (APS) Berhubung Perlaksanaan Protokol Pindaan MoU Antara Kerajaan Malaysia - Indonesia 2006 Mengenai Pengambilan Dan Penempatan Pembantu Rumah Indonesia (PRI)**

Pindaan Memorandum Persefahaman (MoU) Berhubung Pengambilan dan Penempatan PRI mensyaratkan supaya semua Agensi Pekerjaan Swasta (APS) yang hendak melaksanakan proses pengambilan PRI di negara ini menandatangani Surat Aku Janji bagi memastikan bahawa mereka mematuhi segala syarat dan peraturan yang ditetapkan di bawah pindaan MoU tersebut.

Sehubungan itu, pihak JTK telah melaksanakan 2 kali sesi taklimat dan majlis tandatangan surat aku janji kepada APS yang telah dilantik pada 8 Disember 2011 dan 17 Februari 2012 di Menara PERKESO, Kuala Lumpur. Dianggarkan sebanyak 360 buah APS telah menerima surat aku janji melalui 2 sesi taklimat dan majlis yang telah diadakan.



Antara peserta yang menghadiri Seminar dan Sesi Dialog Pembantu Rumah Asing



Sesi Taklimat dan Majlis Perlantikan Syarikat Agensi Pekerjaan Swasta (APS)



Antara pegawai JTKSM yang hadir Sesi Taklimat dan Majlis Perlantikan Syarikat Agensi Pekerjaan Swasta



Seorang peserta mengajukan pertanyaan



Peserta mendengar taklimat dengan penuh minat

# PEMANTAPAN INFORMASI PERBURUHAN

## TUJUAN NAZIRAN AUDIT LMD

- memastikan kesahihan data yang terkini di dalam sistem LMD;
- melaksanaan sistem;
- dan kelebihan dan kelemahan sistem.



### KEPENTINGAN PEMANTAPAN INFORMASI PERBURUHAN

- Menjadikan data dan maklumat lebih signifikan dan *reliable*
- Menganalisis pelbagai maklumat perburuhan
- Merangka perancangan dan pelaksanaan
- Memantau dasar-dasar perburuhan dan pekerjaan
- Meningkatkan kefahaman tentang keadaan dan perubahan-perubahan situasi perburuhan
- Kemampuan untuk memberi respon secara berkesan dalam persekitaran perburuhan yang kompleks dan sering berubah-ubah

### INFOGRAFIK: PENGGUNA DATA DAN MAKLUMAT



## ► Pemantapan Informasi Perburuhan


### AKTIVITI PEMANTAPAN INFORMASI PERBURUHAN

#### A. Program Naziran Audit Penggunaan Sistem Labour Market Database (LMD) 2012

*Electronic Government* atau Kerajaan Elektronik adalah salah satu aplikasi utama dalam pembangunan Koridor Raya Multimedia. Objektif utama Kerajaan elektronik adalah untuk mempertingkat kecekapan dan produktiviti sektor awam dalam menyampaikan perkhidmatannya melalui penggunaan teknologi maklumat terkini.

Bursa Buruh Elektronik mengandungi tiga sistem utama iaitu *Job Clearing System* (kini dikenali *JobsMalaysia*), *Office Productivity Support System* dan *Labour Market Database* (LMD). Sistem Pangkalan Data Pasaran Buruh atau LMD adalah sistem khusus bagi operasi Jabatan Tenaga Kerja yang menumpukan kepada pengumpulan data-data majikan dan pekerja untuk semua aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan.

#### INFOGRAFIK: BURSA BURUH ELEKTRONIK



#### TUJUAN NAZIRAN AUDIT LMD

- i. Untuk memastikan kesahihan data yang dikemaskini di dalam sistem LMD;
- ii. Untuk menilai perlaksanaan sistem;
- iii. Untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan sistem dan cadangan penambahbaikan sistem; dan
- iv. Melaksanakan tindakan-tindakan pembetulan dan pencegahan bagi memastikan keberkesanan perlaksanaan sistem.

#### Jadual Lawatan Pemeriksaan Audit LMD

Program audit yang telah dilaksanakan mengikut ketetapan seperti berikut:

| TARIKH    | LOKASI PTK           |
|-----------|----------------------|
| 9/3/2012  | PTK Melaka           |
| 8/7/2012  | PTK Sungai Petani    |
| 9/7/2012  | PTK Alor Setar       |
| 10/7/2012 | PTK Langkawi         |
| 31/7/2012 | PTK Kuala Terengganu |
| 1/8/2012  | PTK Setiu            |
| 2/8/2012  | PTK Kota Bahru       |



Pegawai JTKSM meneliti borang yang siap diisi oleh pencari kerja

## ► Pemantapan Informasi Perburuhan

Program naziran ini adalah penting bagi memastikan tanggungjawab Ketua Pejabat dalam aspek pengawalan dan pemantauan yang berkaitan dengan prestasi pejabat. Tugas dan tanggungjawab pegawai amatlah perlu untuk menzahirkan data-data dengan lebih tepat, berkualiti dan bernilai (*valueable*).

### B. Perlaksanaan *Data Cleansing* dan pemantauan merekodkan data-data

JTKSM sentiasa memantau data-data yang dikumpul di dalam sistem *Labour Market Data Base* (LMD). Perlaksanaan *data cleansing* yang berterusan perlu

bagi memastikan semua maklumat dan data-data yang dihasilkan adalah tepat dan boleh dipercayai.

Selaras dengan itu, JTKSM mengambil tindakan *data cleansing* berikut bagi memastikan data adalah tepat dan terkini:

- i. fail majikan yang bertindih
- ii. majikan tutup atau tidak lagi beroperasi
- iii. mengemaskini fail aktiviti jabatan



Kemudahan yang disediakan di UTC Kuala Lumpur banyak membantu pencari kerja

# **PENGURUSAN KEWANGAN DAN PENTADBIRAN**




## PENGURUSAN KEWANGAN DAN PENTADBIRAN

Bagi tahun kewangan 2012, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah diluluskan sejumlah peruntukan di bawah belanja mengurus, belanja pembangunan serta peruntukan perbelanjaan di bawah program khas (Azam Kerja). Sehingga tamat tahun kewangan 2012 pengurusan perbelanjaan JTKSM adalah seperti berikut:



Perdana Menteri menandatangani buku lawatan di kaunter JobsMalaysia di UTC Kuala Lumpur



Antara aktiviti yang dijalankan di UTC Kuala Lumpur



Persidangan pegawai-pegawai kanan JTKSM

## PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Pengurusan sumber manusia cekap adalah asas penting kepada kekuatan dan kecemerlangan sesebuah organisasi yang mantap serta dihormati. Kecemerlangan JTKSM mengendalikan pengurusan dasar dan sistem perburuhan nasional turut didokong oleh perkhidmatan pengurusan sumber manusia dan pengurusan sumber kewangan yang cekap serta berkesan.




KSU beramah mesra dengan pegawai yang terlibat

### i. Komposisi keanggotaan

Komposisi keanggotaan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dalam menguruskan urusan pentadbiran perburuhan di Semenanjung Malaysia, adalah seramai 1,211 orang meliputi peringkat pegawai pengurusan tertinggi, pegawai pengurusan & profesional dan pegawai sokongan yang diletakkan di bawah pentadbiran yang diketuai oleh Ketua Pengarah JTKSM. Komposisi agihan jumlah pegawai dan kakitangan Jabatan mengikut kategori perkhidmatan adalah seperti berikut:

**Komposisi Perjawatan  
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia**



Persidangan pegawai-pegawai kanan JTKSM



*Desk Officer JobsMalaysia*

## ii. Organisasi JTKSM

Bagi memastikan kelancaran serta keberkesanan pelaksanaan fungsi serta peranan JTKSM, organisasi JTKSM terdiri daripada pejabat JTKSM di Putrajaya sebagai Ibu Pejabat serta diwujudkan di setiap negeri di Semenanjung Malaysia, pejabat negeri bagi JTKSM serta Pejabat Tenaga Kerja (PTK) di daerah-daerah utama bagi negeri-negeri.



*Pejabat Jabatan Tenaga Kerja Negeri Perak terletak di Bangunan Persekutuan Ipoh.*



## Pengurusan Kewangan dan Pentadbiran

### iii. Latihan Yang Dihadiri Oleh Pegawai JTKSM

#### KURSUS, BENGKEL DAN LATIHAN YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2012

| BIL | NAMA PROGRAM  | TARIKH         | PESERTA | TEMPAT                                 |
|-----|---|----------------|---------|--|
| 1   | Persidangan Tahunan Pegawai-Pegawai Kanan JTKSM Tahun 2012  | 18 - 20 Jan    | 74      | Le Grandeur Palm Resort, Johor         |
| 2   | Bengkel Budaya Kerja Cemerlang Azam Kerja 1 Malaysia  | 31 Jan - 2 Feb | 48      | Pusat JobsMalaysia, P. Klang           |
| 3   | Kursus Pengurusan Kewangan, Perakaunan dan Perolehan Kerajaan JTKSM Bil. 1/2012   | 15 - 18 Feb    | 40      | Institut Pengurusan Peladang, Langkawi |
| 4   | Bengkel Penambahbaikan Sistem JobsMalaysia APS Link-Up Bil. 1/2012  | 8 Mac          | 16      | Bilik Mesyuarat PTK P.Klang            |
| 5   | Bengkel Penyelarasan Buku Laporan Tahunan 2011  | 19 - 21 Mac    | 12      | JTK Melaka                             |
| 6   | Bengkel Outcome Based Budgeting (OBB)   | 21 - 23 Mac    | 15      | JTK Melaka                             |
| 7   | Kursus Pengurusan Kewangan, Perakaunan dan Perolehan Kerajaan JTKSM Bil. 2/2012   | 27 - 30 Mac    | 35      | Institut Latihan FAMA, Port Dickson    |
| 8   | Bengkel Penyediaan Deraf Legal Framework dan Deraf Peraturan-Peraturan Kerja (Prosedur Siasatan Ke Atas Gangguan Seksual) | 8 - 10 April   | 19      | JTK Melaka                             |
| 9   | Sesi Latihan Penggunaan MyMeetings  | 2 Mei          | 12      | Bilik Latihan 1, OSCC, Cyberjaya       |
| 10  | Bengkel Memperkasa Skim Pembiayaan Perumahan Kos Rendah Bagi Pekerja-Pekerja Estet  | 16 - 18 Mei    | 25      | PTK Kulim, Kedah                       |
| 11  | Kursus Pemikiran Kreatif Dan Penyelesaian Masalah: Desk Officer Azam Kerja 1 Malaysia                                     | 4 - 6 Jun      | 40      | Eagle Ranch Resort, Port Dickson       |
| 12  | Kursus Pengurusan Kewangan, Perakaunan dan Perolehan Kerajaan JTKSM Bil. 3/2012   | 18 - 21 Jun    | 40      | Institut KWSP, Kajang                  |
| 13  | Sesi Latihan BLESS  | 29 Jun         | 11      | Bhg. Pengurusan Maklumat, KSM          |
| 14  | Bengkel Holistic Review Akta Kerja 1955   | 2 - 6 Julai    | 40      | Klana Resort, Seremban                 |
| 15  | Sesi Latihan Penggunaan Sistem Government Procurement Information System (GPIS)   | 2 Ogos         | 27      | BPM, KSM                               |
| 16  | Bengkel Asas Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK)  | 27 - 30 Ogos   | 44      | Institut KWSP, Kajang                  |

► Pengurusan Kewangan dan Pentadbiran

| BIL | NAMA PROGRAM   | TARIKH         | PESERTA | TEMPAT                           |
|-----|--|----------------|---------|----------------------------------|
| 17  | Seminar Eksplorasi Buruh Di Bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang Dan AntiPenyeludupan Migran 2007   | 11 - 13 Sept   | 45      | PICC, Putrajaya                  |
| 18  | Bengkel GTP 2.0 (Hala Tuju Azam Kerja 2013 - 2015)   | 24 - 27 Sept   | 44      | De Palma Hotel, Ampang           |
| 19  | Bengkel Holistic Review Akta Kerja 1955 (AKTA 265) Fasa Kedua  | 3 - 6 Okt      | 28      | Klana Beach Resort, Port Dickson |
| 20  | Bengkel Kejurulatihan Train of Trainers (ToT) Financial Literacy Education Programme Akta Kerja 1 Malaysia Sesi 1/ 2012  | 8 - 11 Okt     | 29      | Klana Resort, Seremban           |
| 21  | Kursus Pengendalian Dan Perbicaraan Mahkamah Buruh Dan Holistic Review Akta Kerja 1955 (Akta 265)  | 8 - 12 Okt     | 40      | Institut KWSP, Kajang            |
| 22  | Bengkel Kejurulatihan Train of Trainers (ToT) Financial Literacy Education Programme Akta Kerja 1 Malaysia Sesi 2/ 2012  | 17 - 20 Okt    | 35      | Klana Resort, Seremban           |
| 23  | Bengkel Kejurulatihan Train of Trainers (ToT) Financial Literacy Education Programme Akta Kerja 1955 (Akta 265) 3/2012   | 31 Okt - 1 Nov | 34      | The Regency Hotel, Kuala Lumpur  |
| 24  | Bengkel Penyediaan Proses & Prosedur Mekanisme Penggajian Pekerja Bangladesh   | 21 - 23 Nov    | 40      | Institut KWSP, Kajang            |
| 25  | Kursus Pemikiran Kreatif Dan Penyelesaian Masalah Azam Kerja 1 Malaysia Sesi 2/2012  | 26 - 28 Nov    | 39      | Eagle Ranch Resort, Port Dickson |
| 26  | Bengkel Holistic Review Akta Kerja 1955 Bahagian XVA Aduan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja Dan Pendekatan Efektif Penyelesaian Aduan & Kursus asas Keusahawanan Dan Bengkel Pemantapan Pengurusan Pemberian Geran Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU) | 2 - 5 Dis      | 42      | Gold Coast Resort, Banting       |
| 27  | Bengkel Memurnikan Jadual Pindaan Akta Kerja 1955 Fasa Kedua JTKSM   | 10 - 12 Dis    | 20      | Klana Resort, Seremban           |
| 28  | Kursus Pemikiran Kreatif Dan Penyelesaian Masalah Azam Kerja 1 Malaysia Sesi 3/2012  | 17 - 19 Dis    | 39      | Eagle Ranch Resort, Port Dickson |
| 29  | Bengkel Holistic Review Akta Kerja 1955 Bagi Pematuhan Undang-Undang Buruh Melalui Pemeriksaan Berkanun  | 18-21 Dis      | 30      | NAZA Talya Hotel, Pulau Pinang   |
| 30  | Bengkel Penyediaan Proses Dan Prosedur Azam Kerja Dan sasaran Kerja Tahunan Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan Tahun 2013   | 19-22 Dis      | 70      | Glory Beach Resort, Port Dickson |
| 31  | Bengkel Persekuturan Berkualiti Melalui Amalan 5S Azam kerja 1 Malaysia  | 20-22 Dis      | 54      | Perdana Resort, Kota Bharu       |

第16回APEC人材養成国際フォーラム  
The 16th APEC Forum on Human Resources Development  
13 - 15 November 2012, Chiba, Japan  
Labour and Welfare of Japan / Japan Vocational Ability Development


## JTKSM DI ARENA ANTARABANGSA DAN PENCAPAIAN GEMILANG



**22<sup>ND</sup> ASEAN LABOUR MINISTERS MEETING AND RELATED MEETINGS, PHNOM PENH, CAMBODIA, 03-12 MEI 2012**

Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN (ASEAN Labour Minister Meeting - ALMM) merupakan forum tertinggi peringkat Menteri-Menteri Buruh ASEAN yang bertanggungjawab menggubal dasar serta membuat keputusan ke atas hal ehwal program dan aktiviti berkaitan buruh berlandaskan ASEAN Socio-Cultural Community Blueprint (ASCC).

Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah diwakili oleh Encik Mohd Jeffrey bin Joakim, Ketua Pengarah JTKSM



**101<sup>ST</sup> SESSION OF THE INTERNATIONAL LABOUR CONFERENCE (ILC)  
29 MAY – 14 JUNE 2012**

ILC ke-101 telah berlangsung di Geneva, Switzerland bermula dari 30 Mei hingga 14 Jun 2012 yang lalu. Seramai lebih kurang 5,000 orang yang terdiri daripada wakil-wakil kerajaan, organisasi-organisasi pekerja dan majikan dari 185 negara anggota Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) telah menghadiri persidangan ini. Delegasi Malaysia yang telah diketuai oleh YB Menteri Sumber Manusia adalah terdiri daripada Pegawai-pegawai Tinggi Kementerian Sumber Manusia, Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia dan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam.

Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah diwakili oleh Encik Mohd Jeffrey Bin Joakim, Ketua Pengarah JTKSM dan Encik Aminuddin Ab. Rahaman, Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Perancangan JTKSM.



### APEC CONFERENCE ON EFFECTIVE LABOUR MARKET SIGNALING DI MAKATI CITY, MANILA, FILIPINA, 25 - 27 Julai 2012

Persidangan ini dianjurkan oleh *The Philippine Department of Labor and Employment* dengan kerjasama *Asia-Pacific Economic Cooperation-Human Resources Development Working Group (APEC-HRDWG)*;

Persidangan APEC yang bertajuk “*Effective Labor Market Signaling: A Strategy for Addressing the Problem of Unemployment and Talent Mismatch*” diadakan di Makati City, Manila, Filipina dari 25 hingga 27 Julai 2012;

#### Objektif Persidangan ini adalah untuk:

- a. Menyediakan *platform* bagi pembentangan hasil penyelidikan tentang isyarat pasaran buruh yang berkesan ke arah penyelesaian masalah pengangguran dan *talent mismatch*;
- b. Mengkaji dan menilai hasil serta analisa penyelidikan dengan penekanan kepada mengenalpasti isyarat utama pasaran buruh untuk sistem;
- c. Menyelesaikan isu dan kebimbangan yang berkaitan dengan isyarat-isyarat pasaran buruh yang dikenalpasti;
- d. Menggalakkan idea baharu untuk menambahbaik dan mengukuhkan sistem isyarat pasaran buruh;
- e. Mengukuhkan kerjasama dan mendapatkan sokongan di kalangan anggota ekonomi APEC untuk mengintegrasikan sistem; dan
- f. Mengiktiraf dan mendapatkan maklumat berkaitan amalan terbaik dan strategi yang boleh dimanfaatkan oleh anggota ekonomi APEC.

#### Kandungan Persidangan

- a. *Trend* tenaga kerja dan penyelidikan kekurangan bakat 2011.
- b. Dasar, program dan amalan baik tentang pengurusan penawaran dan permintaan tenaga kerja mahir.
- c. Peranan agensi pekerjaan swasta dalam memudahkan penggajian dan strategi rekrutmen beretika untuk abad ke-21.
- d. Perkhidmatan pekerjaan awam yang berkesan:

